



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

DINAMIKA TEMA DALAM NOVEL REMAJA DI MALAYSIA

HALIS AZHAN BIN MOHD. HANAFIAH

FBMK 2014 26



DINAMIKA TEMA DALAM NOVEL REMAJA DI MALAYSIA

Oleh

HALIS AZHAN BIN MOHD. HANAFIAH

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

Mac 2014

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Isteriku
RAHANI BINTI IBRAHIM
Sabar dan sayangmu berkekalan

Puteriku
NUDRA SHAFINI
&

Putera-puteraku
HAFIDAN IZRAD
FARHAN ARIF
Inspirasi kejayaan buat kalian



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

DINAMIKA TEMA DALAM NOVEL REMAJA DI MALAYSIA

Oleh:

HALIS AZHAN BIN MOHD. HANAFIAH

Mac 2014

Pengerusi : Profesor Madya Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Tujuan kajian ini ialah untuk meneliti dinamika tema dalam novel remaja di Malaysia, bermula dari tahun-tahun 1950-an hingga tahun-tahun 2000-an. Kajian ini dijalankan bertolak daripada pemahaman bahawa garapan tema dalam novel remaja berkemungkinan besar dipengaruhi oleh berbagai-bagai peristiwa yang berlaku dalam masyarakat (iaitu faktor-faktor luaran teks). Antara peristiwa yang berlaku dalam masyarakat Malaysia ini ialah perkembangan pendidikan di Malaysia, perubahan dasar kerajaan dalam bidang sosial, ekonomi dan politik, masalah-masalah dalam dunia penerbitan buku, peranan badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan, peranan pendidik, ahli politik dan sasterawan, masalah kegawatan sosial remaja, kepentingan peraduan mengarang dan hadiah sastera dan sebagainya. Terdapat tiga objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini. Pertama, untuk menganalisis tema-tema dalam novel remaja Malaysia. Kedua, untuk menghuraikan tema dalam novel-novel remaja Malaysia yang dikaji dengan faktor-faktor luaran teks pada dekad penukilannya. Dan akhir sekali, untuk mensintesikan dinamika tema dalam novel-novel remaja di Malaysia yang dikaji dan hubungannya dengan faktor-faktor luaran teks. Kajian ini keseluruhannya tertumpu kepada 30 buah novel remaja Malaysia, tetapi hanya lima buah novel dipilih bagi mewakili setiap dekad. Kriteria-kriteria pemilihan bahan kajian ialah sesebuah novel remaja itu sama ada pernah memenangi peraduan mengarang atau hadiah sastera, atau digarap oleh seorang novelis yang produktif dan prolifik dalam penulisan novel remaja, serta pernah memenangi peraduan mengarang atau hadiah sastera, atau pernah menerima sambutan khalayak (*critical reception*). Untuk mencapai tiga objektif yang digariskan, kajian itu menggembangkan beberapa prinsip Sosiologi Sastera yang digagaskan oleh Hippolyte Adolphe Taine, Georg Lukacs, Lucien Goldmann dan Alan Swingewood. Daripada prinsip-prinsip ini, Sosiologi Sastera menunjukkan bahawa sesebuah novel remaja dapat diteliti sebagai sebuah dokumen sosial dan novelisnya pula dapat dilihat sebagai sumber makna. Kajian ini juga menggembangkan beberapa alat penceritaan seperti watak dan perwatakan, plot, konflik, gaya bahasa dan sebagainya untuk menghuraikan tema dalam novel-novel remaja Malaysia yang dipilih. Kajian ini seterusnya menemui beberapa dapatan penting. Pertama, antara tema yang selalu digarap dalam novel remaja Malaysia ialah

kegigihan dalam kehidupan, kecekalan dalam menangani cabaran, pencegahan jenayah, kasih sayang, perbezaan kelas sosial, dakwah Islamiah, masalah sosial remaja, sains dan teknologi, kepentingan pendidikan kepada masyarakat, kerjasama dalam masyarakat, konflik percintaan dan seni dan budaya. Kedua, tema-tema yang digarap adalah berkait rapat dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat. Ini dengan sendirinya mendorong novelis untuk memanfaatkan perubahan-perubahan ini dalam penulisan novel-novel remaja Malaysia. Akhir sekali, adalah jelas ditemui dinamika tema dan hubungannya dengan faktor-faktor luaran teks. Novelis-novelis didapati cenderung untuk membincangkan persoalan-persoalan yang lumrah seperti pendidikan, pembangunan masyarakat, kekeluargaan dan nilai-nilai Islam dan moral. Pada masa yang sama, mereka juga cenderung untuk membincangkan persoalan-persoalan yang kontemporari seperti kelas sosial, sejarah, perpaduan kaum, advancer, konflik percintaan dan masalah kegawatan sosial remaja. Dapatkan-dapatkan ini dengan jelas membuktikan bahawa wujudnya dinamika tema dalam novel-novel remaja Malaysia dengan hubungannya dengan faktor-faktor luaran teks.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE DYNAMICS OF THEMES IN YOUNG ADULT NOVELS
IN MALAYSIA**

By:


HALIS AZHAN BIN MOHD. HANAFIAH

March 2014

Chairman : Associate Professor Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD.
Faculty : Modern Languages and Communications

The purpose of this study is to examine the dynamics of themes in young adult novels in Malaysia, ranging from the 1950s' up to the 2000s'. This study is carried out due to the understanding that the writing of themes in a young adult novel can be influenced by the multiple events that occur in a society (i.e. the extrinsic factors). Among the events in the Malaysian society are the development of education in Malaysia, the changes of government's policies on social, economic and politics progress, the problems among book publishers, the roles of government and non-government organizations, the roles of educators, politicians and writers, juvenile delinquency, the importance of story writing competition and literary awards and other aspects. There are three objectives to be achieved in this study. The first is to analyze the themes in Malaysian young adult novels. The second, to explain the relationship between the themes in Malaysian young adult novels and the extrinsic factors that surround them in the respective decade. And the third, to synthesize the dynamic of themes in selected Malaysian young adult novels and their relationship with the extrinsic factors that surround them. This study focuses 30 Malaysian young adult novels accumatively, but only five novels will be used to represent every decade. The criterion for every novel is either it has ever won any story writing competition or literary award, or is written by a productive and prolific writer who has won any story writing competition or literary award, or has received critical reception. To achieve the three objectives outlined, this study thus scrutinizes a few principles of Sociology of Literature, which have been profoundly inspired by Hippolyte Adolphe Taine, Georg Lukacs, Lucien Goldmann and Alan Swingewood. Of these, the Sociology of Literature indicates that a novel can be examined as a social document and the writer himself can be seen as the main source of information. This study also scrutinizes several narrative techniques such as character and characterization, plot, conflicts, language style and so on to explain the themes in the selected Malaysian young adults novels. The study later comes out with a few important findings. First, among the themes commonly written in Malaysian young novels are the struggles in life, the determination to overcome obstacles, crime prevention, love, social strata differences, Islamic studies, juvenile

delinquency, science and technology, the importance of education to the societies, cooperation in the society and arts and cultures. Second, the writing of these themes is closely related to several changes within the Malaysian society. This thus leads the writers to utilize the changes in the writing of the Malaysian young adult novels. Finally, it is also clear that there are dynamic relationships between themes in young adult novels in Malaysia and the extrinsic factors. The writers are inclined to discuss common problems such as education, social development and Islamic and moral studies. At the same time, they are also inclined to discuss contemporary problems such as social class, history, national unity, adventures, conflicts of love and juvenile delinquency. These findings definitely prove that there are dynamic relationships between the themes in the Malaysian young adult novels and the extrinsic factors.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim
Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

Segala Puji kehadrat Allah s.w.t Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.
Selawat dan Salam Kepada Junjungan Besar Nabi Muhamad s.a.w.

Dengan penuh rasa syukur, pengkaji akur bahawa hanya dengan izin dan rahmat Allah s.w.t. yang tidak terhingga dan tidak ternilai maka kerja-kerja penulisan tesis doktor falsafah ini dapat disempurnakan dalam masa yang dijangkakan.

Sehubungan itu, pengkaji ingin melahirkan jutaan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini iaitu **Prof. Madya Dr. Mohd. Zariat bin Abdul Rani, Dr. Kamariah binti Kamaruddin** dan **Dr. Abdul Halim bin Mohamad** yang sentiasa memberikan kerjasama dan nasihat serta pandangan yang sangat berguna hingga tesis ini dapat disempurnakan. Pengkaji juga ingin menzahirkan ucapan yang sama kepada **Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin** dan **Dr. Nik Rafidah binti Nik Mohd. Affandi** yang menitipkan ilmu yang berguna semasa proses pembelajaran dijalankan. Seterusnya, terima kasih juga ditujukan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia atas kepercayaan dan tajaan pengajian ini. Tidak lupa rakan-rakan akademik dan pegawai dan staf Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang memberikan pelbagai sumbangan dan buah fikiran bagi menyiapkan penulisan tesis ini.

Akhirnya, sanjungan dan penghargaan istimewa untuk isteri tercinta **Pn. Rahani binti Ibrahim** serta anak-anak **Nudra Shafini, Hafidan Izrad** dan **Farhan Ariff** atas pengorbanan, kesabaran serta kasih sayang yang tiada penghujungnya.

Wassalam

HALIS AZHAN BIN MOHD. HANAFIAH

Program PhD Kesusastraan Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia,
Serdang, Selangor Darul Ehsan.

19 April 2014

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjuma pada 27 Mac 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Halis Azhan bin Mohd. Hanafiah bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Dinamika Tema dalam Novel Remaja di Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakuan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengetahuan)

Arba'ie bin Sujud, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Samsina binti Abd Rahman, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Ungku Maimunah Mohd Tahir, PhD

Profesor

Universiti Kebangsaan Malaysia

Malaysia

(Pemeriksa Luar)



NORITAH OMAR, PhD

Profesor Madya dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 19 Mei 2014

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

Abdul Halim bin Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: _____ Halis Azhan bin Mohd. Hanafiah (GS24576) _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan *Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013)* telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

SENARAI KANDUNGAN

Halaman

DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	viii
PENGESAHAN	ix
PERAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB

1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1. Perkembangan Novel Remaja di Malaysia	2
1.2 Sorotan Literatur	17
1.3 Permasalahan Kajian	25
1.4 Objektif Kajian	28
1.5 Pendekatan Kajian	28
1.6 Definisi Konsep	29
1.6.1 “Dinamika”	29
1.6.2 “Tema”	30
1.6.3 “Novel”, “Remaja” dan “Novel Remaja”	32
1.6.3.1 “Novel”	32
1.6.3.2 “Remaja”	33
1.6.3.3 “Novel Remaja”	35
1.7 Kriteria Pemilihan Bahan dan Batasan Kajian	38
1.8 Pembahagian Bab	41
2 SOSIOLOGI SASTERA: SATU PENDEKATAN KAJIAN	
2.0 Pengenalan	43
2.1 Sosiologi Sastera	43
2.1.1 Pengenalan	43
2.1.2 Sosiologi	44
2.1.3 Hubungan Sosiologi dengan Kesusasteraan	46
2.1.4 Sejarah, Latar Belakang dan Perkembangan Sosiologi Sastera	47
2.2 Gagasan Sosiologi Sastera oleh Hippolyte Taine	50
2.3 Gagasan Sosiologi Sastera oleh Georg Lukacs	52
2.4 Gagasan Sosiologi Sastera oleh Lucien Goldmann	53
2.5 Gagasan Sosiologi Sastera oleh Alan Swingewood	55
2.6 Ikhtisar	56

FAKTOR-FAKTOR LUARAN TEKS YANG MEMPENGARUHI TEMA NOVEL REMAJA DI MALAYSIA

3.0	Pengenalan	58
3.1	Perkembangan Pada Tahun-tahun 1950-an dan Sebelumnya	59
	3.1.1 Perkembangan Awal Bidang Pendidikan	59
	3.1.2 Kesedaran Awal Masyarakat Melayu	61
	3.1.3 Penubuhan Pejabat Karang-Mengarang dan Dewan Bahasa dan Pustaka	62
	3.1.4 Kecenderungan Baharu dalam Bidang Penerbitan Buku	63
	3.1.5 Peranan dan Sumbangan Angkatan Sasterawan 50	64
3.2	Perkembangan Pada Tahun-tahun 1960-an	65
	3.2.1 Kecenderungan Baharu dalam Bidang Pendidikan	65
	3.2.2 Pembangunan Negara dan Masyarakat melalui Agenda Revolusi Mental	67
	3.2.3 Penubuhan Majlis Buku Kebangsaan di Malaysia	68
	3.2.4 Persaingan dalam Bidang Penerbitan Buku	69
	3.2.5 Penubuhan dan Peranan Persatuan-persatuan Penulis	69
3.3	Perkembangan Pada Tahun-tahun 1970-an	70
	3.3.1 Keutamaan terhadap Subjek Sains dan Teknologi	70
	3.3.2 Pembangunan Negara dan Masyarakat Selepas Tragedi 13 Mei 1969	71
	3.3.3 Program dan Prasarana bagi Menggalakkan Amalan Membaca	73
	3.3.4 Polemik dalam Bidang Kesusteraan Melayu	74
3.4.	Perkembangan Pada Tahun-tahun 1980-an	76
	3.4.1 Pengenalan Subjek Komputer di Sekolah	76
	3.4.2 Kemerosotan Minat terhadap Subjek Sastera di Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi	76
	3.4.3 Pembangunan Negara dan Masyarakat pada Zaman Kemelesetan Ekonomi	77
	3.4.4 Masalah Kemerosotan Disiplin Murid di Sekolah	79
	3.4.5 Program dan Prasarana bagi Menggalakkan Amalan Membaca	80
	3.4.6 Masalah Birokrasi dalam Bidang Penerbitan Buku	81
	3.4.7 Polemik Berterusan dalam Bidang Kesusteraan Melayu	83
3.5	Perkembangan Pada Tahun-tahun 1990-an	84
	3.5.1 Kemerosotan Berterusan Subjek Sastera di Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi	84
	3.5.2 Pembangunan Negara dan Masyarakat melalui Gagasan Wawasan 2020	85
	3.5.3 Peningkatan Gejala Sosial dalam Kalangan Remaja	86
	3.5.4 Persaingan antara Penerbitan Buku Konvensional dengan Penerbitan Buku Digital	87
	3.5.5 Masalah Ketandusan Sasterawan dan Khalayak Sastera	88

3.6	Perkembangan Pada Tahun-tahun 2000-an	89
3.6.1	Pembaharuan dalam Bidang Pendidikan pada Alaf Baharu	89
3.6.2	Pembangunan Negara dan Masyarakat pada Alaf Baharu	91
3.6.3	Peningkatan Berterusan Gejala Sosial dalam Kalangan Remaja	92
3.6.4	Intensif Kerajaan kepada Penerbit-penerbit Buku	93
3.6.5	Perkembangan Bidang Penerbitan Buku pada Era Digital	93
3.6.6	Fenomena Novel Popular	95
3.6.7	Kepentingan Hadiah Sastera kepada Golongan Sasterawan	97
3.6.8	Penubuhan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan	98
3.7.	Kesimpulan	98

4 DINAMIKA HUBUNGAN ANTARA TEMA NOVEL REMAJA MALAYSIA DENGAN FAKTOR-FAKTOR LUARAN TEKS

4.0	Pengenalan	100
4.1	Novel-novel Remaja Malaysia dengan Tema Kegigihan Dalam Kehidupan	100
4.1.1	<i>Hidup Berjuang</i>	101
4.1.2	<i>Bahagia Sesudah Derita</i>	106
4.1.3	<i>Aziman Anak Yatim</i>	111
4.1.4	<i>Jasmin</i>	116
4.1.5	<i>Anak Warisan Zaman</i>	121
4.1.6	<i>Songket Berbenang Emas</i>	126
4.1.7	<i>Semesra Kota Ku</i>	131
4.1.8	<i>Lautan Tak Selamanya Bergelombang</i>	135
4.2	Novel-novel Remaja Malaysia dengan Tema Kecekalan Dalam Menangani Cabaran	141
4.2.1	<i>Berempat Di Gunung Pondok</i>	141
4.2.2	<i>Seteguh Karang</i>	146
4.2.3	<i>Gerhana Semusim</i>	150
4.2.4	<i>Justeru Impian Di Jaring</i>	155
4.3	Novel-novel Remaja Malaysia dengan Tema Pencegahan Jenayah	161
4.3.1	<i>Bendera Merah Di Atas Bukits</i>	161
4.3.2	<i>Anjing Polis</i>	166
4.3.3	<i>Letupan Sabak Arang</i>	170
4.4	Novel-novel Remaja Malaysia dengan Tema Kasih Sayang	174
4.4.1	<i>Ayah Kurindu Ibu Kusayang</i>	174
4.4.2	<i>Ibu Yang Kusayang</i>	179
4.4.3	<i>Renda Sutera</i>	184
4.5	Novel-novel Remaja Malaysia dengan Tema Perbezaan Kelas Sosial	189
4.5.1	<i>Chinchin Rahsia</i>	189

4.5.2	<i>Renongan Masa Muda</i>	194
4.6	Novel-novel Remaja Malaysia dengan Tema Dakwah Islamiah	199
4.6.1	<i>Terima Kasih Nudra Syafini</i>	200
4.6.3	<i>Insyirah</i>	204
4.7	Novel-novel Remaja Malaysia dengan Tema Masalah Sosial Remaja	210
4.7.1	<i>Budak Setan</i>	210
4.7.2	<i>Merenang Gelora</i>	214
4.8	Novel-novel Remaja Malaysia dengan Tema Sains dan Teknologi	219
4.8.1	<i>Wira Persona Avatari</i>	220
4.8.5	<i>Impuls/Roh</i>	225
4.9	Novel-novel Remaja Malaysia dengan Tema Kepentingan Pendidikan Kepada Masyarakat	230
4.9.1	<i>Ahad</i>	231
4.10	Novel-novel Remaja Malaysia dengan Tema Kerjasama Dalam Masyarakat	236
4.10.1	<i>Di Bawah Alunan Ombak</i>	236
4.11	Novel-novel Remaja Malaysia dengan Tema Konflik Percintaan	241
4.11.1	<i>Sindora</i>	241
4.12	Novel-novel Remaja Malaysia dengan Tema Seni dan Budaya	246
4.12.1	<i>Trilogi Cinta</i>	246
4.13	Rumusan	250
5	KESIMPULAN	254
RUJUKAN		259
LAMPIRAN		285
BIODATA PELAJAR		297
SENARAI PENERBITAN		298

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Novel-novel remaja Malaysia yang menjadi bahan kajian	40
2	Hubungan antara novel-novel remaja Malaysia yang menggarap tema kegigihan dalam kehidupan dengan faktor-faktor luaran teks	285
3	Hubungan antara novel-novel remaja Malaysia yang menggarap tema kecekalan dalam menangani cabaran dengan faktor-faktor luaran teks	286
4	Hubungan antara novel-novel remaja Malaysia yang menggarap tema pencegahan jenayah dengan faktor-faktor luaran teks	287
5	Hubungan antara novel-novel remaja Malaysia yang menggarap tema kasih sayang dengan faktor-faktor luaran teks	288
6	Hubungan antara novel-novel remaja Malaysia yang menggarap tema perbezaan kelas sosial dengan faktor-faktor luaran teks	289
7	Hubungan antara novel-novel remaja Malaysia yang menggarap tema dakwah Islamiah dengan faktor-faktor luaran teks	290
8	Hubungan antara novel-novel remaja Malaysia yang menggarap tema masalah sosial remaja dengan faktor-faktor luaran teks	291
9	Hubungan antara novel-novel remaja Malaysia yang menggarap tema sains dan teknologi dengan faktor-faktor luaran teks	292
10	Hubungan antara novel-novel remaja Malaysia yang menggarap tema kepentingan pendidikan kepada masyarakat dengan faktor-faktor luaran teks	293
11	Hubungan antara novel-novel remaja Malaysia yang menggarap tema kerjasama dalam masyarakat dengan faktor-faktor luaran teks	294
12	Hubungan antara novel-novel remaja Malaysia yang menggarap tema konflik percintaan dengan faktor-faktor luaran teks	295
13	Hubungan antara novel-novel remaja Malaysia yang menggarap tema seni dan budaya dengan faktor-faktor luaran teks	296

SENARAI SINGKATAN

<i>CR</i>	<i>Chinchin Rahsia</i>
<i>HB</i>	<i>Hidup Berjuang</i>
<i>BSD</i>	<i>Bahagia Sesudah Derita</i>
<i>Ahad</i>	<i>Ahad</i>
<i>BDGP</i>	<i>Berempat Di Gunung Pondok</i>
<i>DBOA</i>	<i>Di Bawah Alunan Ombak</i>
<i>AAY</i>	<i>Aziman Anak Yatim</i>
<i>Jasmin</i>	<i>Jasmin</i>
<i>RMM</i>	<i>Renongan Masa Muda</i>
<i>BMDAB</i>	<i>Bendera Merah Di Atas Bukit</i>
<i>AP</i>	<i>Anjing Polis</i>
<i>LSA</i>	<i>Letupan Sabak Arang</i>
<i>AKIK</i>	<i>Ayah Kurindu Ibu Kusayang</i>
<i>IYK</i>	<i>Ibu Yang Kusayang</i>
<i>AWZ</i>	<i>Anak Warisan Zaman</i>
<i>TKNS</i>	<i>Terima Kasih Nudra Syafini</i>
<i>RS</i>	<i>Renda Sutera</i>
<i>SBE</i>	<i>Songket Berbenang Emas</i>
<i>SK</i>	<i>Seteguh Karang</i>
<i>Sindora</i>	<i>Sindora</i>
<i>BS</i>	<i>Budak Setan</i>
<i>SKK</i>	<i>Semesra Kota Ku</i>
<i>GS</i>	<i>Gerhana Semusim</i>
<i>LTSB</i>	<i>Lautan Tak Selamanya Bergelombang</i>
<i>WPA</i>	<i>Wira Persona Avatari</i>
<i>MG</i>	<i>Merenang Gelora</i>
<i>TC</i>	<i>Trilogi Cinta</i>
<i>Insyirah</i>	<i>Insyirah</i>
<i>JIDJ</i>	<i>Justeru Impian Di Jaring</i>
<i>IR</i>	<i>Impuls/Roh</i>

SENARAI SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ASAS 50	Angkatan Sasterawan 50
ASK	Akademi Seni Kebangsaan
ASWARA	Akademi Seni Budaya dan Warisan
BERNAMA	Berita Nasional Malaysia
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPK	Dasar Pelajaran Kebangsaan
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
FMC	Federation of Malaya Certificate
GAPENA	Gabungan Penulis Nasional
GAPIM	Gabungan Penulis Islam Malaysia
HSC	High School Certificate
HSKU	Hadiah Sastera Kumpulan Utusan
HSPM	Hadiah Sastera Perdana Malaysia
KOMSAS	Komponen Sastera
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
LCE	Lower Certificate Examination
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
PENA	Persatuan Penulis Nasional
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PK	Pejabat Karang-Mengarang
PKPIM	Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia
POD	<i>Print-On-Demand</i>
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris
PURNAMA	Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Sastera Kanak-kanak dan Remaja
PUSTAKA	Persatuan Perpustakaan Sekolah-sekolah Kelantan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
UM	Universiti Malaya
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organizations
UNICEF	United Nation Children's Fund
UPM	Universiti Putra Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dunia Barat rata-rata menganggap bahawa bidang kesusasteraan kanak-kanak dan remaja (*children literature*) di rantau itu mula berkembang pesat pada sekitar awal abad ke-18 (Norton & Norton, 2011: 45 - 46). Ini ditandai dengan penerbitan sebuah novel advencer yang diminati oleh khalayak kanak-kanak dan remaja iaitu *Robinson Crusoe* (1719) karya Daniel Defoe (Lerer, 2008: 129). Menurut Lerer, *Robinson Crusoe* bukan sahaja dianggap sebagai salah sebuah novel penting dalam dunia kesusasteraan Barat pada masa itu, tetapi dikatakan memberi impak yang besar terhadap kemajuan bidang kesusasteraan kanak-kanak dan remaja pada masa akan datang. Ini jelas apabila penerbitan novel ini menjadi pemangkin kepada penukilan novel-novel advencer seumpamanya (iaitu novel yang menceritakan pelayaran atau pengembaraan watak protagonis ke sebuah tempat yang asing), yang kemudian dikenali sebagai “Robinsonades” (Norton & Norton, 2011: 45 - 46). Antara novel yang memakai kaedah “Robinsonades” yang menyusul dan popular di dunia Barat pada dekad-dekad seterusnya ialah *Gulliver’s Travels* (1726) karya Jonathan Swift, *The New Robinson Crusoe* (1788) karya John Stockdale, *The Swiss Robinson Family* (1812) karya Johann Wyss, *The Coral Island* (1858) karya R. M. Ballantyne, *Treasure Island* (1883) karya Robert Louis Stevenson dan *The Mysterious Island* (1974) oleh Jules Verne (Lerer, 2008: 131). Selain itu, kemajuan bidang kesusasteraan kanak-kanak dan remaja di Barat khususnya novel pada awal abad ke-18 diperkuuhkan lagi melalui usaha seorang novelis dan penerbit iaitu John Newbery yang mempelopori penerbitan buku kanak-kanak dan remaja melalui siri *A Little Pretty Pocket Book* pada tahun 1744 (Norton & Norton, 2011: 47 - 48). Kejayaan yang dicapai oleh syarikat penerbitan milik John Newbery ini dikatakan meyakinkan penerbit-penerbit lain di Barat pada masa itu bahawa karya-karya sastera untuk khalayak kanak-kanak dan remaja mendapat sambutan dan berpotensi untuk dipasarkan. Seterusnya, penulisan novel kanak-kanak dan remaja dikatakan mendapat manfaat daripada kemakmuran sosial, ekonomi dan politik yang dicapai oleh masyarakat Barat pada Zaman Victoria (*Victoria Age*)¹ (Norton & Norton, 2011: 51 - 57). Ini kerana pada masa inilah novel-novel kanak-kanak dan remaja dapat diterbitkan dengan berbagai-bagai tema dan dalam kuantiti yang lebih banyak. Antaranya, *Alice’s Adventures in Wonderland* (1865) karya Lewis Carroll dan *A Book of Nonsense* (1846) karya Edward Lear yang bertema fantasi, *Treasure Island* (1883) karya Robert Louis Stevenson, *The Merry Adventure of Robin Hood* (1883) karya Howard Pyle dan *Twenty Thousand Leagues Under the Sea* (1869) karya Jules Verne yang bertema advencer, dan *The Five Little Peppers and How They Grew* (1881)

¹ Zaman Victoria (*Victoria Age*) adalah merujuk kepada zaman pemerintahan Permaisuri Victoria yang memerintah Britain dari tahun 1837 hingga tahun 1901. Pada masa ini, rakyat Britain dikatakan menikmati kemakmuran sosial, ekonomi dan politik melalui kemajuan yang dicapai dalam bidang industri, kemunculan bandar-bandar besar, kesedaran sosial dan kerohanian dan penekanan terhadap nilai-nilai kekeluargaan dan kemasyarakatan. Pada masa ini juga, kemakmuran yang sama turut dinikmati oleh wilayah-wilayah Britain di Amerika Utara dan seluruh jajahan takluknya.

karya Margaret Sidney, *Little Women* (1868) karya Louisa May Alcott dan *Heidi* (1884) karya Johanna Spyri yang bertema kemasyarakatan. Akan tetapi, dalam perkembangan selanjutnya, dunia kesusasteraan Barat pada hari ini kemudiannya menganggap bahawa sejak tahun-tahun 1950-an, bidang kesusasteraan remaja (*young adult literature*) mulai terpisah daripada bidang kesusasteraan kanak-kanak (*children literature*) (Kaplan, 2005: 11; 2008: 42 – 43). Ini juga bererti, novel remaja sekarang dinukilkan dengan ciri-ciri yang berbeza daripada novel kanak-kanak. Ini kerana novel remaja mengutarakan subjek-subjek dan tema-tema yang berkait rapat dengan kehidupan dan aspirasi remaja, manakala novel-novel kanak pula mengutarakan subjek-subjek dan tema-tema yang berkait rapat dengan kehidupan dan aspirasi kanak-kanak. Dengan perbezaan ini, antara novel-novel remaja Barat yang dikenal pasti dan dianggap penting ialah *The Catcher In The Rye* (1951) karya J. D. Salinger, *The Outsiders* (1967) karya S. E. Hinton, *The Pigman* (1968) karya Paul Zindel dan *The Chocolate War* (1974) karya Robert Cormier.

Seterusnya dalam konteks dunia kesusasteraan Melayu pula, pengamatan awal mendapati bahawa genre novel remaja hanya dikatakan muncul di Malaysia pada sekitar tahun-tahun 1950-an. Dalam hal ini, rata-rata sarjana dan penggiat sastera tempatan menganggap bahawa *Chinchin Rahsia* (1953) karya Muhammad Hashim Amir Hamzah sebagai novel remaja Malaysia yang pertama (Othman Puteh, 1997: 7 – 11). Novel ini pernah memenangi peraduan menulis cerita panjang kanak-kanak yang dianjurkan oleh Pejabat Karang-Mengarang (iaitu sebuah penerbitan kerajaan) pada tahun 1951 dan kemudian diterbitkan oleh badan yang sama pada tahun 1953. Peraduan ini pada asalnya dianjurkan oleh kerajaan persekutuan (pada masa itu Persekutuan Tanah Melayu) bertujuan mendapatkan bahan-bahan bacaan baharu di sekolah. Peraduan yang sama kemudian dianjurkan pada tahun 1954, dan menobatkan *Bahagia Sesudah Derita* (1956) karya Mohd. Akhir Leman dan *Ahad* (1959) karya Zakaria Salleh sebagai pemenang pertama dan kedua. Dengan tujuan yang sama itu jugalah, novel-novel remaja turut diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (yang mengambil alih tugas dan peranan Pejabat Karang-Mengarang sebagai penerbit kerajaan pada tahun 1956) dan penerbit-penerbit swasta pada dekad itu dan dekad-dekad seterusnya. Dalam hal ini, pengamatan awal mendapati bahawa sekurang-kurangnya mulai awal tahun-tahun 1970-an, novel-novel remaja tidak diterbitkan untuk menjadi alat pendidikan semata-mata lagi. Sebaliknya, genre ini berkembang pesat apabila penerbit-penerbit swasta mula menerbitkan dan memasarkan novel-novel remaja ini sebagai bahan-bahan bacaan tambahan. Pengamatan awal juga mendapati bahawa genre novel remaja mendapat pengiktirafan dalam arus perdana kesusasteraan Melayu apabila menjadi salah satu kategori dalam Hadiah Sastera Perdana Malaysia dan Hadiah Sastera Kumpulan Utusan, iaitu antara hadiah sastera terpenting di Malaysia dewasa ini. Dalam konteks dunia kesusasteraan Melayu pada hari ini, kehadiran novel-novel remaja secara berterusan didapati menarik perhatian pengkaji-pengkaji untuk menjalankan kajian-kajian ilmiah berkaitan sastera remaja.

1.1 Perkembangan Novel Remaja Di Malaysia

Dalam usaha untuk menjelaskan perkembangan novel remaja di Malaysia, tahun 1953 ditetapkan sebagai penanda kemunculan genre novel remaja iaitu melalui

penerbitan novel *Chinchin Rahsia* karya Muhammad Hashim Amir Hamzah.² Ketetapan ini adalah berdasarkan tanggapan para sarjana, penggiat sastera dan kritikawan dalam seminar dan persidangan novel remaja peringkat kebangsaan. Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam Bab I, novel *Chinchin Rahsia* dianggap sebagai perintis genre novel remaja di Malaysia kerana diterbitkan oleh sebuah badan pendidikan iaitu Pejabat Karang-Mengarang. Pejabat Ini mengelolakan bahan bacaan kepada khalayak kanak-kanak dan remaja di sekolah sebelum penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1956. Dengan itu, dapat dikatakan bahawa *Chinchin Rahsia* dinukilkan sebagai karya sastera yang memenuhi kehendak dan keperluan khalayak kanak-kanak dan remaja pada masa itu. Bertolak daripada kedudukan ini, perbincangan ini akan mengupas perkara-perkara penting yang dianggap membantu perkembangan novel remaja di Malaysia, seperti peningkatan bilangan peraduan mengarang, pengaruh novel terjemahan, penganjuran bengkel dan seminar, pengelasan sastera kanak-kanak dan sastera remaja, bahasan tentang konsep, falsafah, ciri dan fungsi sastera remaja, ciri-ciri Sastera Remaja Arus Picisan, Sastera Remaja Arus Popular dan Sastera Remaja Arus Literer, fenomena sastera popular, polemik dalam kesusasteraan remaja dan sebagainya. Dalam hal ini, penjelasan tentang perkembangan novel remaja di Malaysia dilakukan mengikut dekad. Selain, penting juga dijelaskan bahawa perbincangan dalam subtopik ini akan dimanfaatkan dalam Bab 5 apabila menganalisis tema dalam novel-novel remaja Malaysia yang dikaji.

Perbincangan tentang novel remaja di Malaysia dimulakan dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku pada tahun-tahun 1950-an. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, salah satu wahana untuk memperoleh karya-karya sastera kanak-kanak dan remaja yang baik pada tahun 1950-an ialah melalui penganjuran peraduan mengarang. Dalam hal ini, antara peraduan mengarang yang melibatkan karya sastera remaja (pada masa itu dianggap karya sastera kanak-kanak) ialah Peraduan Mengarang Cerita Panjang anjuran Pejabat Karang-Mengarang (PK) pada tahun 1951 dan 1956. Peraduan pertama pada tahun 1951 ini menobatkan *Chinchin Rahsia* (1953) karya Muhammad Hashim Amir Hamzah sebagai pemenang. Manakala, peraduan mengarang kedua pada tahun 1956 pula mengiktiraf *Bahagia Sesudah Derita* (1958) karya Md. Akhir Leman dan *Ahad* (1959) karya Zakaria Salleh sebagai pemenang pertama dan kedua.

Berhubung dengan kesesuaiannya sebagai bahan bacaan di sekolah, Li Chuan Si (1975: 42) merumuskan bahawa novel-novel yang memenangi peraduan pada tahun 1956 adalah sesuai dengan tahap kebolehan dan keperluan murid-murid. Novel-novel ini dianggap bebas daripada unsur lucah dan erotik iaitu unsur-unsur yang banyak mengisi karya-karya sastera picisan pada dekad itu. Sungguhpun mengemukakan plot yang longgar dan bahasa yang sederhana, tetapi novel-novel pemenang peraduan ini dikatakan menghiburkan dan dapat menyuburkan minat membaca murid-murid. Li Chuan Siu menegaskan perkara ini seperti dalam penjelasan berikut: “*The language used in this novel is untidy and the plot is disorganizing; but as a reading matter for school children, this book is better than were some novels for adults at that time, because many of the latter were pornographic*” (1975: 38 – 42).

² *Chinchin Rahsia* memenangi peraduan menulis cerita panjang anjuran Pejabat Karang-Mengarang pada tahun 1951. Novel ini seterusnya diterbitkan oleh penganjur yang sama pada tahun 1953.

Selain Pejabat Karang-Mengarang dan DBP (yang mengambil alih tugas dan peranan Pejabat Karang-Mengarang sebagai penerbit kerajaan pada 22 Jun 1956), bidang penerbitan tempatan turut diwarnai oleh penerbit-penerbit kecil. Penerbit-penerbit ini rata-rata terdiri daripada golongan pendidik yang sedar akan kepentingan pendidikan kepada anak-anak Melayu (Md. Sidin Ahmad Ishak, 2005: 38). Sejajar dengan kesedaran itulah, mereka berusaha menerbitkan bahan-bahan bacaan tambahan kepada murid-murid sekolah. Antara penerbit-penerbit kecil yang beroperasi secara kecil-kecilan ini ialah Sinaran Bros Berhad, Pustaka Dian, Pustaka Aman, Pustaka Antara, Peninsular Publication, Pustaka Pendidikan dan Pustaka Melayu Baru. Akan tetapi, penerbitan buku-buku ini dikatakan tidak dapat menandingi penerbit-penerbit luar yang mempunyai modal yang lebih besar dan jaringan pemasaran yang lebih baik. Menurut Azizah Hamzah (1996: 42), penerbit-penerbit luar seperti Oxford University Press, Heinemann, Macmillan dan Eastern University Press bertapak di Malaya (nama asal Malaysia) selepas merdeka untuk menawarkan bahan-bahan bacaan tambahan baharu sebagai prasarana pendidikan.

Seterusnya, sesuai dengan tugas dan peranannya sebagai badan kerajaan yang bertanggungjawab memajukan bidang bahasa dan kesusastraan tempatan, DBP sebagai penerbit kerajaan berusaha menambahkan bahan-bahan bacaan berunsur tempatan. Antara perkembangan penting yang berlaku pada tahun-tahun 1960-an, terutamanya dari segi mengubah persepsi khalayak terhadap kesusastraan kanak-kanak, ialah penganjuran Seminar Kebangsaan Sastera Kanak2 Malaysia oleh DBP dan UNESCO pada 5 – 12 Disember 1966. Seminar ini menemukan para penerbit buku, sasterawan dan penggiat sastera untuk merumuskan hala tuju kesusastraan kanak-kanak di Malaysia. Sehubungan itu, Hassan Ahmad (1966: 1 – 17) dalam kertas kerja berjudul “Bahan2 Tempatan Untuk Penciptaan Sastera Kanak2 (Di Malaysia),” menegaskan bahawa sudah sampai masanya karya sastera kanak-kanak di Malaysia memaparkan nilai-nilai tempatan, sebagaimana yang dijelaskannya: “Sekarang sudah perlu bagi kita untuk mengaleh perhatian kita ka-arah buku2 mengenai sejarah dan ilmu alam Malaysia dan mengenai kehidupan dan masharakat Malaysia” (Hassan Ahmad, 1966: 4). Pandangan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada murid-murid sekolah untuk menikmati bahan-bahan bacaan sastera yang baharu. Pada dekad ini, bahan-bahan seumpamanya yang diberikan kepada murid-murid ialah bahan-bahan sastera tradisional yang digubah semula atau dipermudahkan, dan bahan-bahan sastera asing yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Menurut Hassan Ahmad lagi, sasterawan perlu mula menekankan ilmu pedagogi dan psikologi dalam karya sastera kanak-kanak masing-masing, dijelaskannya sebagai: “Sastera moden kanak2 yang lahir dari sumber2 asli hendaklah sesuai dengan minat, jiwa dan pemikiran kanak2 Malaysia seluroh-nya” (Hassan Ahmad, 1966: 17). Susulan seminar ini, DBP mulai Januari 1967 menerbitkan *Dewan Pelajar* untuk murid-murid sekolah (Syed Nasir Ismail, 1967b: 2). Selain ruangan-ruangan akademik, majalah *Dewan Pelajar* turut memperuntukkan sejumlah halaman bagi ruangan sastera.³

Dalam usahanya untuk menambahkan bilangan sasterawan-sasterawan yang menulis karya sastera kanak-kanak dan remaja pula, DBP antaranya telah menganjurkan beberapa peraduan mengarang cerita pada tahun-tahun 1960-an. Antara peraduan yang dianjurkannya ialah Peraduan Mengarang Cerita Pendek Kanak-kanak pada

³ Cerpen pertama *Dewan Pelajar* berjudul ‘Terlepas’ karya Ma’aruf Mahmud. Khalayak sasaran *Dewan Pelajar* pada masa ini ialah murid-murid sekolah rendah dan menengah.

tahun 1960, Peraduan Mengarang Drama untuk Kanak-kanak Sekolah Rendah pada tahun 1963, Peraduan Mengarang Cerita Rekaan Sains Untuk Kanak-kanak pada tahun 1967, dan Peraduan Mengarang Cerita Bacaan Kanak-kanak pada tahun 1968. Meskipun DBP tidak menganjurkan peraduan mengarang novel pada tahun-tahun 1960-an, akan tetapi, melalui penganjuran peraduan-peraduan mengarang ini, badan ini dapat melahirkan banyak sasterawan yang menulis karya sastera kanak-kanak dan remaja yang baharu. Menurut Abdul Wahab Muhammad (1968: 20 – 22), Peraduan Mengarang Cerita Bacaan Kanak-kanak pada tahun 1968 telah berjaya menarik sebanyak 900 penyertaan. Pada ketika itu, jumlah penyertaan ini dikatakan yang terbesar dalam sejarah penganjuran peraduan mengarang oleh DBP. Selain itu, penganjuran peraduan mengarang dikatakan membuka ruang kepada DBP untuk menjelaskan garis panduan penukilan karya sastera kanak-kanak dan remaja melalui syarat-syarat peraduan dan laporan panel hakim. Dalam hal ini, antara perkara yang telah dapat ditangani pada masa ini ialah masalah penyesuaian kandungan karya sastera mengikut peringkat usia kanak-kanak dan remaja. Dalam hal ini, Peraduan Mengarang Cerita Bacaan Kanak-kanak membahagikan karya kepada dua kategori umur, iaitu karya untuk kanak-kanak berumur 6 hingga 7 tahun, dan karya untuk kanak-kanak berumur 8 hingga 10 tahun. Berdasarkan laporan panel hakim, para novelis dicadangkan untuk menerokai tema-tema fiksyen sains, detektif, psikologi, sejarah dan sebagainya, yang dianggap baharu di Malaysia.

Sehubungan dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku pada dua tahun-tahun 1950-an dan 1960-an, dapatlah dikatakan bahawa genre novel remaja terus berkembang maju apabila kerajaan pada tahun-tahun 1970-an menumpukan usaha untuk memajukan bidang penerbitan buku, iaitu suatu bidang yang diharapkan dapat meningkatkan kemajuan bidang pendidikan. Dalam hal ini, Azizah Hamzah (1996: 71) menjelaskan bahawa tumpuan ini didorong oleh pertambahan khalayak yang celik huruf dan usaha kerajaan untuk menyuburkan amalan membaca dalam kalangan masyarakat. Sehubungan itu juga, bilangan bahan-bahan bacaan tambahan kepada khalayak kanak-kanak dan remaja dapat ditingkatkan (Zalila Sharif & Zulkeply Mohamad, 2010: 38 – 59). Walau bagaimanapun, dapat dikatakan bahawa perkembangan ini tidak menggambarkan perkembangan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja tempatan yang sebenar. Ini disebabkan buku-buku itu ialah karya-karya terjemahan yang diterbitkan atas tujuan komersil, yang merupakan kesan lanjutan daripada monopoli DBP dalam penerbitan buku teks. Di sebalik pertambahan bilangan buku di perpustakaan, mutu buku-buku terjemahan ini dipersoalkan dari segi moral dan bahasa. Ini berlaku kerana, selain melalui “proses alih bahasa”, buku-buku ini juga melalui “proses alih budaya” (Hamzah Hamdani, 1977: 28 – 29). Apa yang dimaksudkan dengan “proses alih budaya” ialah apabila buku-buku cerita dari Barat diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu tanpa mengambil kira aspek sosio-budaya. Matlob (2000: 98) menjelaskan bahawa nilai-nilai yang terdapat dalam buku terjemahan ini adalah terpesong dan menyeleweng daripada realiti, berpunca daripada kegagalan penerbit memahami nilai-nilai tempatan. Ini umpsamanya berlaku apabila penerbit menukar watak seorang kanak-kanak lelaki Inggeris di kawasan luar bandar membelai anjing dalam novel asal kepada kepada watak seorang kanak-kanak lelaki Melayu di kampung membelai binatang yang sama dalam novel terjemahan, tanpa mengambil kira aspek sosio-budaya. Dalam konteks masyarakat tempatan, orang Melayu di kampung lumrahnya tidak menjadikan anjing sebagai binatang kesayangan kerana air liur haiwan itu dianggap najis di sisi hukum Islam. Menurut Mohd. Thani Ahmad (1979: 58), buku-buku terjemahan ini menghadapi

masalah penyesuaian, istilah dan bahasa, dan penyelarasan pembelajaran. Othman Puteh (1976a: 12 – 13) pula menjelaskan bahawa novel-novel terjemahan ini mempunyai kelemahan daripada aspek ejaan, pemilihan diksi dan imbuhan dan penggunaan kalimat. Selain itu, kemunculan novel-novel terjemahan menunjukkan bahawa kesusasteraan kanak-kanak di Malaysia pada tahun-tahun 1970-an menghadapi masalah kekurangan novelis tempatan yang dapat menukikan novel kanak-kanak yang bermutu (Saleh Daud, 1976: 8 – 9; Sidang Pengarang *Dewan Sastera*, 1980a: 2).

Seterusnya, dapatlah dikatakan bahawa perkembangan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja pada tahun-tahun 1970-an turut dibantu oleh langkah penerbit-penerbit tempatan yang menawarkan lebih banyak wadah penerbitan karya sastera kanak-kanak dan remaja. Dalam hal ini, dapatlah dikatakan bahawa cerpen dan novel menjadi dua genre pilihan utama penerbit. Menurut Othman Puteh (1998: 7 – 11), majalah-majalah baharu seperti *Utusan Pelajar*, *Medan Pelajar*, *Antara Pelajar* dan *Bujal* membantu usaha DBP menerbitkan *Dewan Pelajar* dan menampung karya-karya sastera kanak-kanak dalam kedua-dua genre itu. DBP mengkhususkan *Dewan Pelajar* untuk murid-murid sekolah rendah, dan *Dewan Siswa* yang mula diterbitkan pada Januari 1979 untuk murid-murid sekolah menengah.⁴ Menurut Hassan Ahmad (1979: 3), yang merupakan Ketua Pengarah DBP pada ketika itu, *Dewan Siswa* diterbitkan untuk mengisi jurang besar antara murid sekolah rendah dengan murid sekolah menengah yang tidak dapat ditampung oleh *Dewan Pelajar*. M. Noor Azam (1979: 51) pula menganggap *Dewan Siswa* sebagai suatu alat pendidikan yang penting untuk membimbing murid-murid sekolah menengah untuk menjadi rakyat Malaysia cemerlang dalam segenap aspek kehidupan, sebagaimana yang dijelaskannya: “... mencuba mengasuh anak-anak remaja kita menjadi rakyat yang cintakan bangsa dan negara, berpegang teguh kepada norma dan nilai sosial-budaya kita yang baik, sambil maju dan progresif mengejar hidup moden dengan nilai dan cara yang tidak bersalah dengan pegangan agama dan tata-susila bangsa.” Dalam hal ini juga, adalah relevan untuk dikaitkan bahawa penerbitan *Dewan Siswa* telah menjadi suatu garis pemisah awal antara kesusasteraan kanak-kanak dengan kesusasteraan remaja di Malaysia. Othman Puteh (1998: 7 – 11) seterusnya menjelaskan bahawa penerbit-penerbit swasta seperti Fajar Bakti, Longman, Macmillan, Sistem Pelajaran dan Utusan Melayu, menerbitkan novel kanak-kanak melalui projek penerbitan masing-masing. Menurut Rubaidin Siwar (1976: 11; 1978: 54), dua jenis novel yang diminati oleh khalayak pada masa ini ialah novel kekeluargaan dan novel advencer.⁵ Dua jenis novel ini menjadi pilihan kerana khalayak dikatakan terpengaruh dengan novel-novel terjemahan karya Enid Blyton dan Alfred Hitchcock yang banyak ditemui di pasaran dan perpustakaan. Pada tahap ini, penting juga dijelaskan bahawa penukilan dan penerbitan novel-novel tempatan pada tahun-tahun 1970-an turut dipengaruhi oleh dasar-dasar baharu kerajaan,

⁴ *Dewan Siswa* menampung karya-karya sastera melalui dua ruangan, iaitu ‘Cerpen Untuk Siswa’ dan ‘Cerpen Daripada Siswa’. Ruangan ‘Cerpen Untuk Siswa’ menampung karya-karya cerpenis dewasa yang menukikan cerpen remaja. Ruangan ‘Cerpen Daripada Siswa’ menampung karya-karya daripada cerpenis remaja yang rata-rata terdiri daripada murid sekolah menengah. Cerpenis-cerpenis remaja dari sekolah menengah ini kemudian dibimbing secara sistematis melalui Minggu Remaja/Minggu Penulis Remaja. Selain itu, *Dewan Siswa* turut menyiaran novel bersiri.

⁵ Novel kekeluargaan mengisahkan tentang suka-duka dan jatuh-bangun kanak-kanak dan remaja dalam lingkungan keluarganya. Novel advencer mengisahkan kejadian-kejadian yang mencemaskan dan menyeronokkan, seperti penyeludupan, penculikan, pengedaran dadah, mencetak wang palsu, dan lain-lain, yang melibatkan watak-watak remaja.

susulan kejadian rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Menurut Muhammad Hafiz (2000: 94 – 95), sebahagian novelis menerapkan unsur perpaduan dalam novel masing-masing dengan menghadirkan watak-watak pelbagai kaum dalam cerita.⁶

Selain itu, dapat juga dikatakan bahawa perkembangan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja pada masa itu dan peningkatan prasarana perpustakaan sejak merdeka telah mendorong perbincangan tentang keperluan membahagikan bahan-bahan bacaan kanak-kanak mengikut peringkat usia. Antara usaha yang dilakukan untuk merealisasikan pembahagian ini ialah melalui program-program yang diadakan bersempena dengan pengisytiharan tahun 1972 sebagai Tahun Buku Antarabangsa, dan tahun 1979 sebagai Tahun Kanak-kanak Antarabangsa. Melalui program-program seperti bengkel penulisan kreatif kepada novelis-novelis baharu, penganjuran peraduan mengarang dan pameran buku, penulisan dan penerbitan bahan bacaan kanak-kanak mula dibahagikan mengikut tahap usia. Menurut Siti Rafeah Shamsuddin (1976: 4 – 7), bahan bacaan kanak-kanak sewajarnya terdiri daripada empat tahap berbeza iaitu 5 tahun ke bawah, 5 hingga 7 tahun, 7 hingga 11 tahun, dan 12 hingga 15 tahun. Keupayaan novelis memahami keperluan-keperluan khalayak pada empat peringkat usia yang berbeza ini, dianggap dapat mempengaruhi pemilihan perkataan dan penggunaan laras bahasa dalam karya. Selain itu, keperluan-keperluan yang sama juga dianggap dapat mempengaruhi pemilihan dan penentuan tema dan persoalan dalam karya sastera.

Selain itu, suatu perkembangan yang dianggap signifikan berlaku pada tahun-tahun 1970-an ialah pengenalan bentuk dan isi karya sastera remaja, dan ini termasuklah genre cerpen dan novel remaja. Ini dilakukan melalui penganjuran Hadiah Sastera Remaja Esso – GAPENA I pada tahun 1979. Menurut Abdul Ahmad (2001: 30), pengkonsepsian konsep “Sastera Remaja” melalui peraduan mengarang anjuran bersama Esso dan GAPENA telah menjadi langkah penting yang memisahkan karya sastera remaja daripada bidang kesusasteraan kanak-kanak. Menurut Abdul Ahmad lagi, sebelum peraduan mengarang ini diadakan, karya sastera remaja telah diasosiasikan dengan karya sastera kanak-kanak. Ini dikatakan berpunca daripada andaian banyak pihak bahawa kedua-duanya bergerak atas landasan yang sama.

Seterusnya, dalam usaha untuk mengembangkan lagi novel kanak-kanak dan remaja di Malaysia pada tahun-tahun 1970-an, DBP berusaha menganjurkan bengkel penulisan novel kanak-kanak pada 26 September – 1 Oktober 1977. Menurut Zalila Sharif dan Zulkeply Mohamad (2010: 41), bengkel ini diadakan untuk membimbing novelis-novelis bagi memahami dan menerapkan aspek sosiologi dan psikologi dalam novel kanak-kanak dan remaja. Selain itu, tujuan bengkel ini diadakan ialah menerbitkan novel kanak-kanak dan remaja tempatan, setelah novel-novel terjemahan dikatakan tidak dapat menjelaskan nilai-nilai tempatan. Penceramah utama bengkel ini iaitu Kyoko Matsuoka dari Asian Cultural for UNESCO Tokyo, antara lain mencadangkan novelis-novelis agar mengambil motif dan pola cerita rakyat apabila menukilkan novel kanak-kanak. Dalam hal ini, motif dan pola cerita

⁶ Antara pengarang yang mempraktikkan kaedah ini ialah Matlob menerusi watak Badri, Orvak, Lili, Takdir, Ah Seng dan Marina (akronim BOLTAM) dalam novel *Rahsia Hospital Buta*, *Rahsia Pulatala*, *Jerung Hitam* dan *Mencari Kayu Rahsia*, Arman Sani menerusi watak Chandran, Kamsiah, dan Jalal dalam *Keranda Dari Laut* dan *Menuba Ikan di Teluk Tebrau*, dan Othman Puteh menerusi watak Lim See Yong, Janet lim, Selvaraja dan Hilmi dalam *Rahsia Hutan Dara*, *Pengkalan Meriam Patah* dan *Vila Kepala Harimau*.

rakyat dikatakan dapat mempengaruhi dan membantu khalayak menghayati cerita dan menghargai keindahan sastera.

Pada sekitar masa yang sama, DBP menjalankan usahanya membantu meningkatkan keupayaan para novelis berkarya, antaranya melalui program nasihat percuma kepada mereka. Menurut Dinsman (1978: 58), program ini dihadirkan dalam bentuk penilaian terhadap manuskrip yang telah disiapkan. Manuskrip yang dinilai akan dipulangkan kepada novelis untuk diperbaiki, dan kemudian diajukan kepada penerbit untuk tujuan penerbitan. Ini dilakukan oleh penilai-penilai yang berkelayakan, guna memberi gambaran yang lebih jelas tentang aspek-aspek yang perlu digarap semula oleh novelisnya. Aspek-aspek ini ialah isi dan kandungan, bahasa, teknik persembahan, dan kesesuaian karya kepada khalayak. Menurut Dinsman (1978: 58), bantuan dalam bentuk ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para novelis. Segelintir novelis dikatakan telah membaik pulih novel masing-masing untuk menyertai Peraduan Menulis Novel Kanak-kanak anjuran DBP pada tahun 1978.

Seterusnya, dapatlah dikatakan bahawa genre novel kanak-kanak dan remaja mendapat nafas baharu apabila DBP menganjurkan semula peraduan mengarang novel kanak-kanak pada tahun 1978. Menurut Rubaidin Siwar (1978: 53), tujuan Peraduan Mengarang Novel Kanak-kanak DBP 1978 dianjurkan ialah menggalakkan dan meninggikan mutu penulisan novel kanak-kanak dan remaja di Malaysia. Selain itu, peraduan ini berusaha mencungkil bakat novelis-novelis baharu dan merangsang minat novelis-novelis yang sedia ada untuk terus menukarkan novel kanak-kanak dan remaja. Dalam hal ini, syarat penyertaan antara lain menggariskan karya hendaklah memenuhi tahap sosiologi dan psikologi khalayak iaitu golongan remaja yang berusia antara 12 hingga 15 tahun. Garis panduan ini turut mempengaruhi pemilihan watak dan penggunaan bahasa dalam novel. Berdasarkan laporan panel hakim (*Dewan Masyarakat*, 1979: 50 – 53), rata-rata novelis yang menyertai peraduan ini berhasil menggarap suka-duka pengalaman kanak-kanak dan remaja dalam ruang lingkup kehidupannya. Antara tema yang didapati menjadi pilihan para novelis ialah pergolakan keluarga, kemiskinan di bandar dan luar bandar, pergaulan sosial kanak-kanak dan remaja, pengembalaan dan misteri. Panel hakim merumuskan bahawa manuskrip-manuskrip yang dinilai rata-rata menyerlahkan ketelitian penulis terhadap aspek luaran dan dalaman khalayak yang berusia antara 12 hingga 15 tahun. Selain peraduan mengarang ini, DBP menganjurkan Peraduan Menulis Skrip Drama Kanak-kanak DBP 1979, Peraduan Menulis Novel Fiksyen Sains Kanak-kanak DBP 1980, Peraduan Menterjemah Cerita Pari-pari Karya Hans Christian Andersen (1980) dan Peraduan Menulis Cerpen dan Rencana sempena Hari dan Minggu Belia Negara (1980).

Terlepas daripada tema-tema kekeluargaan dan advencer yang menjadi pilihan pada tahun-tahun 1970-an, Othman Puteh (1983: 21; 1990: 22) menjelaskan bahawa novelis-novelis pada tahun-tahun 1980-an mula menerokai tema sejarah dan fiksyen sains. Selain itu, novelis-novelis juga mengubah cerita-cerita rakyat tempatan yang pernah menjadi motif penukaran buku-buku sastera pada zaman sebelum dan awal merdeka kepada buku-buku sastera baharu dengan menggunakan laras bahasa semasa. Kedua-dua perkembangan ini dikatakan bertolak daripada perkembangan sastera kanak-kanak pada dekad-dekad sebelumnya, terutamanya apabila DBP mengadakan Bengkel Penulisan Kanak-kanak pada tahun 1979. Selain itu, DBP turut

menganjurkan peraduan mengarang novel sejarah dan fiksyen sains, dan terjemahan cerita pari-pari karya Hans Christian Anderson pada tahun 1980. Menurut Othman Puteh, perkembangan ini turut dirangsangkan oleh persaingan antara sasterawan-sasterawan tahun-tahun 1970-an, dengan calon-calon sasterawan pada tahun-tahun 1980-an yang dilahirkan daripada Hadiah Sastera Siswa dan Minggu Remaja.⁷ Kedua-dua program ini dianggap menjadi pemangkin kepada penglahiran bakat-bakat baharu daripada golongan remaja. Dalam hal ini, Mohd. Najib Abdul Razak (1989: 68 – 69) iaitu Menteri Belia dan Sukan pada ketika itu, menyarankan agar Hadiah Sastera Siswa digemblengkan secara bersama oleh badan-badan swasta dan DBP untuk mencapai tahap kebangsaan.

Sehubungan kemajuan yang dicapai oleh Hadiah Sastera Siswa dan Minggu Minggu Penulis Remaja, dapatlah dikatakan bahawa pengisian “sastera remaja” dan kelayakan sasterawan-sasterawan yang terlibat dengan penulisan sastera remaja telah menjadi bahasan para sarjana. Dalam hal ini, Sahlan Mohd. Saman (1989: 4) menganggap bahawa sasterawan-sasterawan baharu daripada golongan remaja adalah lebih berkelayakan dalam menukikan karya sastera remaja. Menurut Sahlan Mohd. Saman, sasterawan-sasterawan ini lebih memahami persoalan-persoalan remaja kerana mereka sedang mengalami dunia remaja itu sendiri. Sebaliknya, sasterawan-sasterawan daripada golongan dewasa dianggap hanya menukikan karya sastera remaja dengan mengimbau pengalaman masa lampau masing-masing yang berkemungkinan tidak sama lagi dengan persepsi khalayak remaja semasa. Walau bagaimanapun, Othman Puteh (1989b: 7) dan Misran Rokimin (1989: 3 – 4) menolak pandangan Sahlan Mohd. Saman ini dengan menegaskan bahawa penukilan karya sastera remaja adalah terbuka kepada sasterawan-sasterawan yang berbakat, berminat dan mempunyai pengetahuan tentang dunia remaja. Selain itu, A. F. Yassin (1989: 5 – 6) menegaskan bahawa karya sastera sasterawan-sasterawan daripada golongan dewasa (yang dirujuknya ialah novelis-novelis) lebih mudah dipertimbangkan oleh penerbit. Menurutnya lagi, novel-novel nukilan sasterawan-sasterawan (novelis-novelis) ini mencatatkan jualan yang lebih tinggi di pasaran. Ini disebabkan mereka dianggap lebih berupaya menyerlahkan konflik “remaja – remaja” dan “remaja – dewasa”, dengan berasaskan acuan pengalaman sendiri.

Pada sekitar akhir tahun-tahun 1980-an, dapat dikatakan bahawa kesusasteraan remaja telah terbuka perbincangan yang lebih serius tentang bentuk-bentuk karya sastera remaja yang terdapat di pasaran. Sehubungan itu, Othman (1990c: 74) membahagikan karya sastera remaja kepada tiga jalur yang dominan iaitu apa yang dinamakan sebagai Arus Sastera Remaja Picisan, Arus Sastera Remaja Popular, dan Arus Sastera Remaja Literer. Penting dijelaskan bahawa jalur ketiga yang dirujuk oleh Othman iaitu Arus Sastera Remaja Literer, dapat difahami dalam konteks perbincangan ini sebagai karya sastera remaja yang serius. Ini dijelaskan oleh Othman (1997b: 16) sebagai: “... sastera remaja itu memiliki statusnya sendiri, dengan taraf dan nilainya yang sendiri pula; maka sastera remaja yang sebenar dan seunggulnya, bukanlah karya sastera picisan dan ataupun karya sastera popular”. Karya sastera dalam Arus Sastera Remaja Picisan dikatakan dinukilkan sebagai bacaan santai. Plot karya sastera remaja picisan adalah mudah dan memanipulasi

⁷ Hadiah Sastera Siswa melibatkan penilaian terhadap karya-karya pengarang remaja dalam majalah Dewan Pelajar. Minggu Remaja (kemudian Minggu Penulis Remaja) ialah suatu bentuk latihan dan bimbingan yang sistematis terhadap pengarang-pengarang remaja yang terpilih memenangi Hadiah Sastera Siswa bagi genre cerpen dan sajak.

unsur-unsur seks dan erotik. Karya sastera dalam Arus Sastera Remaja Popular dikatakan lebih bertunjangkan unsur-unsur suspen sehingga mengabaikan kepentingan tema. Karya-karya sastera ini menyajikan suasana keremajaan, keceriaan dan kenyamanan hidup. Seterusnya, karya sastera dalam Arus Sastera Remaja Literer menampung persoalan yang lebih serius dan dianggap mewakili kesusasteraan remaja yang sebenar. Karya-karya sastera ini dinilai baik dari aspek tema dan pengolahan, berupaya memancarkan nilai-nilai hidup yang kompleks, dan menerapkan ilmu-ilmu bantu daripada bidang-bidang kehidupan yang lain. Sehubungan keperluan membangunkan sastera remaja yang serius, Othman Puteh (1989a: 42; & 1989b: 8) dan Hashim Awang (1991: 14) menegaskan bahawa bidang kritikan sastera perlu diperluaskan kepada karya sastera remaja. Pada tahap ini, bentuk kritikan yang diperlukan oleh kesusasteraan remaja ialah kritikan yang memperkatakan tentang aspek isi dan teknik yang sesuai, berkesan dan relevan dengan perkembangan remaja.

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, bidang kesusasteraan remaja mula dianggap menjadi sebahagian dunia kesusasteraan Melayu pada akhir tahun-tahun 1970-an. Ini antaranya ditandai dengan penganjuran peraduan-peraduan mengarang dan penerbitan novel-novel remaja. Akan tetapi, di sebalik kemajuan-kemajuan yang dicapai ini, dapat dikatakan juga bahawa perkembangan kesusasteraan remaja pada tahun-tahun 1980-an masih dipandang sinikal dan skeptikal oleh segelintir penggiat sastera. Antara tokoh yang mempertikaikan kehadiran kesusasteraan remaja di Malaysia ialah A. Samad Said dan Shahnon Ahmad.⁸ Dalam perbualan yang dituliskan semula oleh Marwilis Haji Yusof (1989: 10), A. Samad Said menafikan sebarang penglibatannya dalam kesusasteraan remaja, sebagaimana katanya: “Ada penerbit menawarkan \$25,000 untuk membuat novel remaja. Tetapi saya tidak akan menggadaikan mutu seni kerana wang” (dalam Marwilis Haji Yusof, 1989: 10). Perbualan antara A. Samad Said dengan Marwilis Haji Yusof pada ketika ini adalah berkisar tentang budaya dan pengaruh Barat yang membelenggu golongan muda Malaysia pada tahun-tahun 1980-an. Walau bagaimanapun, tulisan Marwilis Haji Yusof ini tidak menjelaskan dengan lebih mendalam tentang bentuk “novel remaja” yang dimaksudkan oleh A. Samad Said. Seterusnya, Shahnon Ahmad (1995: 34) menegaskan bahawa novel dan cerpen remaja belum mencapai tahap karya sastera, sebagaimana yang dijelaskannya: “Bagaimana untuk jangan mengelirukan masyarakat, kita ubahkan saja nama sastera remaja itu kepada bacaan remaja sahaja”. Dengan kata lain, Shahnon Ahmad menganggap karya-karya remaja sebagai bacaan ringan kepada golongan remaja semata-mata. Menurutnya lagi, tema dan persoalan dalam karya sastera remaja dianggap belum dapat mewakili pemikiran sesebuah masyarakat pada sesuatu masa.

Pada tahun-tahun 1980-an, dapat dikatakan bahawa DBP meneruskan lagi usaha untuk menambahkan bilangan sasterawan yang bergiat dalam kesusasteraan remaja seperti yang telah dilakukan pada dekad-dekad sebelumnya. Usaha ini dilakukan dengan sistematik, kemas dan terancang, apabila calon-calon sasterawan yang berpotensi disaring melalui cerpen-cerpen remaja pilihan yang disiarkan dalam ruangan “Cerpen daripada Siswa” majalah *Dewan Siswa*. Calon-calon sasterawan ini kemudian dibimbing dalam program “Minggu Remaja” yang bermula pada tahun

⁸ A. Samad Said dan Shahnon Ahmad ialah dua orang tokoh sastera yang menerima gelaran Sasterawan Negara. Anugerah Sasterawan Negara dianggap sebagai anugerah paling tinggi yang dapat dikecapi oleh sasterawan-sasterawan di Malaysia.

1985. Menurut Abdul Ahmad (1988a: 27) dan Norida Jamaluddin (1988: 10), program ini bertujuan memupuk bakat dan membimbing calon-calon sasterawan daripada golongan remaja untuk menukilkan karya-karya sastera yang bermutu. Selain itu, program ini meletakkan matlamat jangka panjang untuk memecahkan monopoli sasterawan-sasterawan daripada golongan dewasa yang sedia ada dan menjadi pelapis kepada mereka. Menurut Abdul Ahmad (1987: 24) iaitu editor majalah *Dewan Siswa* pada awal tahun-tahun 1980-an, program “Minggu Remaja” memenuhi tuntutan dunia kesusasteraan remaja yang telah berkembang daripada bentuk yang mudah kepada bentuk yang lebih rumit dan kompleks. Dalam hal ini, minat membaca khalayak yang semakin meningkat menyebabkan calon-calon sasterawan baharu ini (yang merujuk kepada cerpenis-cerpenis yang berkarya dalam ruangan “Cerpen daripada Siswa”) mula mempelbagaikan bahasa dan struktur ayat, serta tema, dalam cerpen remaja masing-masing. Menurut Abdul Ahmad lagi, mereka mengambil kira kegemaran, cita rasa dan keperluan golongan remaja apabila memilih tema cerpen masing-masing. Ini kerana semua aspek ini dianggap dapat membezakan cerpen remaja dengan cerpen kanak-kanak. Selain itu, Abdul Ahmad juga menganggap bahawa sifat-sifat karya sastera remaja perlu mendekati sifat-sifat karya sastera dewasa, sebagaimana yang dijelaskannya: “Remaja, sebagai manusia biasa juga, mempunyai ego yang sentiasa mahu diiktiraf sebagai dewasa. Jadi, sajilah karya-karya untuk mereka yang dapat mencabar mereka, dan cabaran itulah yang kemudiannya dapat membantu mendewasakan mereka” (Abdul Ahmad, 1988b). Sehubungan itu, Abdul Ahmad menganggap bahawa Hadiah Sastera Siswa dan program “Minggu Remaja” sebagai dua program yang saling melengkapi dan mengukuhkan, serta dapat menjadi wahana kepada calon-calon sasterawan daripada golongan remaja yang telah menyerlahkan kebolehan masing-masing dalam majalah *Dewan Siswa*.

Berikutan beberapa kemajuan yang dicapai oleh bidang kesusasteraan remaja pada dekad itu, suatu aspek yang mula dibincangkan oleh khalayak pada masa ini ialah tentang kepentingan meletakkan garis pemisah antara karya sastera kanak-kanak dengan karya sastera remaja. Dengan merujuk pengalamannya ketika menangani penyuntingan karya sastera remaja dalam majalah *Dewan Siswa* dari tahun 1979 hingga tahun 1982, Abdul Ahmad (1991: 10 – 11), menjelaskan bahawa pembatasan “daerah usia” remaja adalah penting dalam karya dan akan mempengaruhi pemilihan dan penggunaan laras bahasa, struktur ayat dan teknik penyampaian. Aspek-aspek ini dikatakan mencapai tahap yang lebih kompleks apabila penulis menukilkan karya sastera remaja berbanding sastera kanak-kanak.⁹ Dengan itu, Abdul membataskan “daerah usia” remaja kepada sekitar 13 hingga 20 tahun sahaja. Seterusnya, pada ketika faktor pembatasan “daerah usia” dianggap kabur dan belum dibahaskan secara menyeluruh oleh para sarjana dan ahli akademik, penggiat sastera dan penulis sastera remaja, DBP didapati telah menganjurkan dua peraduan menggarang novel kanak-kanak iaitu pada tahun 1980 dan 1981. Dalam hal ini, penting dikaitkan bahawa

⁹ Abdul Ahmad membandingkan aspek laras bahasa, struktur ayat dan teknik penyampaian dalam novel Ibu Yang Kusayang (*IYK*) karya Sharifah Hasnah Abdullah yang memenangi Peraduan Mengarang Novel Kanak-kanak DBP 1978 dengan antologi cerpen Sayang Si Tina (*SST*) karya Ali Majod yang memenangi Hadiah Sastera Remaja Esso – GAPENA I (1981) dan novel Anak Din Biola (*ADB*) karya Maaruf Mahmud yang memenangi Hadiah Sastera Remaja Esso – GAPENA II (1982). Abdul mendapati bahawa aspek laras bahasa, struktur ayat dan teknik penyampaian adalah lebih kompleks dalam *SST* berbanding aspek-aspek yang sama dalam *IYK* dan *ADB*. Ironi yang ditimbulkan ialah watak-watak dalam *IYK* berusia belasan tahun dan terdiri daripada murid-murid sekolah menengah.

syarat penyertaan bagi peraduan menganjurkan novel fiksyen sains kanak-kanak pada tahun 1980 menetapkan bahawa usia “kanak-kanak” ialah sekitar 10 hingga 14 tahun (Laporan Panel Hakim Fiksyen Sains Kanak-kanak, 1981: 52 – 53). Syarat penyertaan bagi peraduan menganjurkan novel sejarah kanak-kanak pada tahun 1981 pula menetapkan usia “kanak-kanak” ialah sekitar 12 hingga 15 tahun (Laporan Panel Hakim Peraduan Menulis Novel Sejarah (Kanak-kanak) DBP 1981, 1982: 40 – 41). Walau bagaimanapun, kedua-dua bidang kesusasteraan ini dibezakan apabila DBP menganjurkan dua peraduan menganjurkan novel kanak-kanak dan remaja yang berasingan pada akhir tahun-tahun 1980-an. Dalam hal ini, peraduan menganjurkan novel kanak-kanak dianjurkan pada tahun 1987 dan tiga tahun kemudian, peraduan menganjurkan novel remaja pula dianjurkan pada tahun 1990.

Selain itu, beberapa penerbit, persatuan penulis dan badan kerajaan pada tahun-tahun 1980-an, dengan kerjasama daripada badan-badan korporat dan penerbit-penerbit, mula menganjurkan peraduan-peraduan menganjurkan novel dan cerpen remaja. Menurut Othman Puteh (1998: 10), penglibatan badan-badan korporat seperti Public Bank, Esso dan Bank Rakyat menjadi pemangkin kepada perkembangan kesusasteraan remaja di Malaysia. Antara peraduan menganjurkan ini ialah Hadiah Sastera Utusan Melayu – Public Bank (sekarang Hadiah Sastera Kumpulan Utusan) yang dianjurkan secara konsisten pada setiap tahun. Sejak tahun 1985 dan 1988, pengajian telah memasukkan genre cerpen remaja dan novel remaja sebagai dua kategori peraduan ini. Seterusnya, pada dekad ini juga, Generasi – Marwilis Publishers (sebuah penerbit swasta) menganjurkan Hadiah Sayembara Novel Remaja 1990. Di peringkat negeri, Persatuan Perpustakaan Sekolah-sekolah Kelantan (PUSTAKA) menganjurkan suatu peraduan menganjurkan novel kanak-kanak bagi usia 12 hingga 17 tahun (Fatimah Zahrin, 1990: 21). Selain itu, Hadiah Sastera Siswa yang bertunas daripada cerpen-cerpen *Dewan Siswa* telah berkembang menjadi Hadiah Sastera Siswa Bank Rakyat mulai tahun 1987. Kerjasama badan-badan korporat ini hadir dalam bentuk peruntukan wang hadiah kepada pemenang-pemenang peraduan berkenaan.

Dengan tujuan merancakkan lagi perkembangan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja pada tahun-tahun 1990-an, dan pada masa yang sama mengembangkan minat membaca khalayak kanak-kanak dan remaja terhadap karya-karya sastera, DBP menubuhkan Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Sastera Kanak-kanak dan Remaja (PURNAMA). Selain itu, PURNAMA juga ditubuhkan untuk menentukan garis panduan dan menetapkan piawaian mutu karya sastera kanak-kanak dan remaja, serta membezakan bahan sastera kanak-kanak dengan bahan sastera remaja (Anwar Ridhwan, 1997: 12). Ini antaranya mencakupi aspek bahasa, ilustrasi dan cara persembahan sasterawan apabila menggarap karya sastera kanak-kanak dan remaja. Hasrat penubuhan ini dijelaskan lagi oleh Anwar Ridhwan, yang pada ketika itu menjawat jawatan Ketua Jabatan Sastera Moden DBP, sebagai: “Kami ingin menempatkan sastera kanak-kanak dan remaja serta penulis-penulisnya sama penting dengan sastera untuk dewasa dan penulis buku-buku dewasa” (Siti Zaleha M. Hashim, 1997: 15). Dengan kata lain, PURNAMA menjadi wadah yang dapat menampung program-program pembangunan sastera kanak-kanak dan remaja di Malaysia. Dalam hal ini, dan dengan merujuk kepada masalah-masalah yang sedia ada sejak awal merdeka lagi, PURNAMA dianggap menyediakan landasan bagi perkembangan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja yang lebih terarah. Menurut Othman Puteh (1997b), PURNAMA dapat menyuburkan lagi penerimaan khalayak

terhadap kesusasteraan kanak-kanak dan remaja. Mohd. Ali Majod (1997: 9 – 10) dan Ismail Ahmad (1997: 7 – 8) pula menjelaskan bahawa PURNAMA dapat menyediakan ruang kepada DBP untuk mempelbagaikan program-program kesusasteraan kanak-kanak dan remaja secara lebih terancang dan sistematik. Manakala, Sutung Umar Rs (1997: 47 – 48) pula menyifatkan PURNAMA sebagai wahana yang dapat meletakkan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja pada skala yang lebih besar seperti yang dilakukan di negara-negara Barat.

Seterusnya, perkembangan novel remaja di Malaysia diperkuuhkan lagi pada tahun-tahun 1990-an melalui usaha-usaha para sarjana dan penggiat sastera dalam memberi takrif, konsep dan falsafah kesusasteraan remaja, agar lebih jelas dan dapat berkembang seperti kesusasteraan kanak-kanak dan dewasa. Untuk tujuan ini, Abdul Ahmad (1998: 12 – 16) menyenaraikan empat faktor yang dianggap membangunkan konsep dan falsafah kesusasteraan remaja. Faktor-faktor ini ialah zaman remaja, penerapan nilai-nilai murni, penerapan ilmu bantu, dan aspirasi remaja dalam karya. Pandangan Abdul Ahmad tentang kepentingan faktor zaman remaja adalah berdasarkan kepada hujah bahawa sifat dan sikap remaja adalah berbeza-beza mengikut peringkat umur. Menurutnya, sungguhpun tidak ada bentuk pemeringkatan umur yang disepakati oleh ahli-ahli psikologi, tetapi tiga kelompok besar peringkat umur yang dianggap lazim bagi remaja ialah awal remaja, pertengahan remaja, dan akhir remaja. Faktor pertama ini dianggap penting kerana perbezaan-perbezaan pada aspek fizikal, mental, biologi, rohani, tingkah laku dan pemikiran dianggap akan menzahirkan perbezaan sifat dan sikap watak-watak remaja dalam karya. Faktor kedua yang diutarakan iaitu penerapan nilai-nilai murni, merujuk kepada usaha sasterawan menerapkan nilai-nilai baik yang dikehendaki oleh masyarakat ke dalam karya sastera. Dengan itu, novel remaja dapat menjalankan fungsi pendidikannya iaitu memberi pengajaran dan membimbang khalayak meneladani perkara-perkara baik dalam kehidupannya. Faktor ketiga yang disenaraikannya iaitu penerapan ilmu bantu yang bertujuan untuk menjelaskan dua tanggungjawab sasterawan ketika menukilkan karya sastera. Tanggungjawab sasterawan yang pertama ialah mengetahui dan memahami psikologi watak-watak remaja dalam karya, dan tanggungjawab sasterawan yang kedua pula ialah menyesuaikan disiplin-disiplin ilmu itu dengan bersandarkan tahap kebolehan dan pengetahuan watak-watak remaja. Akhir sekali, faktor aspirasi remaja turut digariskan untuk menjelaskan keperluan sasterawan dalam memilih tema dan menggarap plot yang menarik, serta menggunakan laras bahasa dan kosakata yang sesuai untuk khalayak remaja (Abdul Ahmad, 1998: 12 – 18).

Berhubung perkara yang sama, Othman Puteh (1991d: 5 – 9) menjelaskan bahawa konsep sastera remaja dapat dibina melalui pemahaman sasterawan terhadap konsep remaja dan batas usia remaja dalam karya yang ditanganinya. Konsep remaja dikatakan berbeza bagi kumpulan masyarakat tertentu, dan dengan itu mempengaruhi batas usia remaja. Dengan kata lain, sasterawan dianggap bertanggungjawab dalam menentukan aspirasi remaja dengan berpandukan pengetahuan tentang latar belakang dan struktur sosial masyarakat yang dipilihnya dalam karya sastera. Seterusnya, batas usia remaja dapat diletakkan dalam empat fasa peralihan iaitu akil baligh, remaja awal, remaja pertengahan dan remaja akhir. Selain itu, turut dijelaskan bagaimana masa peralihan bagi empat fasa ini tidak sama dan bergantung pada perbezaan-perbezaan pada jantina dan keadaan sosial, ekonomi dan politik sesebuah masyarakat (Othman Puteh, 5 - 9).

Selain itu, konsep sastera remaja turut diteliti dan dijelaskan daripada aspek pendidikan. Menurut Rahman Shaari (1997: 12 - 15), karya sastera remaja dapat menjadi wadah pendidikan melalui penggunaan bahasa yang selektif dan kreatif. Ini dilakukan melalui penggunaan gaya bahasa yang tekal dan indah, dan tidak mengabaikan hukum tatabahasa yang betul. Dengan kata lain, aspek gaya bahasa dan tatabahasa yang seimbang dianggap dapat membantu sasterawan dalam mengembangkan tema dan persoalan yang dipilih. Sebaliknya, penggunaan bahasa slanga atau bahasa basahan (bahasa sehari-hari) dianggap akan menjelaskan nilai-nilai keindahan yang terdapat dalam karya sastera remaja. Selain itu, penggunaan bahasa ini dikatakan mencerminkan bentuk kehidupan remaja yang bertentangan dengan nilai-nilai masyarakat tempatan (Rahman Shaari, 1997: 12 – 15).

Seterusnya, bidang kesusteraan remaja didapati berkembang apabila para novelis turut mengambil pendekatan untuk merealisasikan gagasan Wawasan 2020. Gagasan ini telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia keempat iaitu Mahathir Mohamad, sebagai hala tuju negara ke arah mencapai taraf sebuah negara maju. Sehubungan dengan itu, Othman Puteh (1991a: 52 – 53, 1991b: 8 - 9) menyarankan agar sasterawan yang menulis karya sastera remaja dapat menjadi penggerak gagasan ini dengan melepaskan tema-tema yang lumrah dan menerokai tema-tema baharu berdasarkan sains dan teknologi. Ini dijelaskan oleh Othman sebagai:

Masukilah dunia gagasan baru itu dengan penuh tanggungjawab untuk memantapkan nilai kemanusiaan, melestarikan keharmonian hidup, dan menyedarkan betapa ringgit dan sen serta kekayaan material itu bukanlah puncak perjuangan, bukan segala-galanya (Othman Puteh, 1991a: 53).

Dengan kata lain, karya sastera remaja yang dicadangkan hendaklah berkembang mengikut keperluan semasa iaitu memenuhi aspirasi Wawasan 2020, tanpa mengabaikan fungsi pendidikan dan hiburan yang sedia ada.

Pada tahun-tahun 1990-an, DBP meneruskan usaha mencungkil bakat calon-calon sasterawan baharu menerusi Hadiah Sastera Siswa Bank Rakyat dan program “Minggu Penulis Remaja” (sebelum itu program “Minggu Remaja”). Menurut Zaharuddin Abdul Rahman (1995: 31), kedua-dua program ini menerima sambutan yang menggalakkan daripada sasterawan-sasterawan daripada golongan remaja. Ini jelas melalui penerimaan lebih dua ratus buah cerpen dan lima ratus buah puisi pada setiap bulan yang bertujuan mengisi ruangan “Cerpen daripada Siswa” dan “Puisi Siswa” dalam majalah *Dewan Siswa*. Menurut Zaharuddin Abdul Rahman lagi, bilangan yang besar ini menunjukkan bahawa karya sastera yang tersiar adalah berdaya saing kerana hanya sebuah cerpen dan sebuah puisi sahaja yang akan dipilih untuk disiarkan pada setiap bulan. Selain itu, bilangan yang besar ini juga menyebabkan proses saringan memakan masa yang lebih lama iaitu dari dua minggu hingga ke tiga minggu, untuk memastikan karya yang dipilih itu juga layak dipertandingkan dalam Hadiah Sastera Siswa Bank Rakyat. Dengan merujuk kepada persaingan ini, Anuar Jaafar (1993: 18) menegaskan bahawa karya-karya sastera yang terpilih itu mencapai mutu yang tinggi kerana sasterawan-sasterawan daripada golongan remaja ini berani menerokai tema-tema yang menjangkau jauh daripada persekitaran masing-masing. Menurut Anuar Jaafar lagi, tema-tema ini mewakili

gagasan dan keazaman mereka untuk membina dan menjayakan wawasan negara menjelang tahun 2000. Hassan Alias (1992: 4) menjelaskan bahawa peningkatan bilangan karya sastera ini menafikan persepsi umum bahawa golongan remaja hanya leka dengan kegiatan-kegiatan yang tidak berfaedah. Selain itu, peningkatan yang sama juga menjelaskan bahawa dunia kesusasteraan Melayu mempunyai calon-calon sasterawan baharu yang berpotensi untuk menggantikan penulis-penulis mapan dan berpengalaman yang sedia ada.

Seterusnya, pada tahun-tahun 1990-an juga, suatu impak besar yang berlaku terhadap perkembangan novel remaja di Malaysia ialah kemasukan genre-genre kesusasteraan remaja dalam anugerah Hadiah Sastera Perdana Malaysia. Ini jelas apabila urus setia bagi anugerah ini mempertandingkan genre-genre dalam kesusasteraan remaja pada tahun penilaian 1996/97.¹⁰ Dalam hal ini, panel penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia memilih novel *Anak-anak Bertuah* karya Ismail Restu sebagai pemenang bagi kategori novel remaja Berhubung dengan perkara ini, Sutung Umar Rs (1994: 5) menegaskan bahawa penerimaan umum terhadap karya-karya sastera remaja pada tahun-tahun 1990-an, telah menjadi suatu perkembangan yang diberi perhatian sewajarnya oleh khalayak sastera.. Menurut Othman Puteh (1997b: 18), penyenaraian kategori sastera remaja dalam Hadiah Sastera Perdana Malaysia memberi petanda positif kepada kesusasteraan remaja di Malaysia. Selain itu, anugerah-anugerah lain yang turut diperkenalkan ialah Anugerah Buku Kebangsaan yang dikelolakan oleh Majlis Buku Kebangsaan mulai tahun 1991, dan Hadiah Buku Nasional yang dikelolakan oleh Mobil dan Persatuan Penerbit Malaysia mulai tahun 1995 (Nor Alina Ong, 1997: 118). Kedua-duanya dipertandingkan sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang diadakan pada setiap tahun. Dalam hal ini, karya-karya dinilai daripada aspek reka bentuk, ilustrasi, cetakan, penjilidan dan sebagainya. Dan kategori B dikhatusukan kepada karya-karya kreatif dan nonkreatif kanak-kanak dan remaja.

Seperti yang telah dibincangkan lebih awal, usaha-usaha berterusan telah dilakukan pada tahun-tahun 1990-an oleh penggiat-penggiat sastera remaja untuk memperkasa falsafah, konsep dan takrif kesusasteraan remaja. Walau bagaimanapun, sehingga tahun-tahun 2000-an, dapat dikatakan bahawa masih ada segelintir penggiat sastera yang menganggap sastera remaja sebagai sastera ringan (iaitu sastera yang dianggap tidak serius) sahaja. Selain itu, penggiat-penggiat sastera ini turut menganggap sastera remaja adalah sinonim dengan sastera popular. Dalam hal ini, penggiat-penggiat sastera ini didapati terdiri daripada sasterawan-sasterawan yang berpengalaman mengarang karya sastera dewasa. Antaranya, seorang sasterawan bernama R. Hamzah Dua (2001: 5) menyamakan bahawa sastera remaja sebagai sastera ringan, seperti tulisannya ketika mengulas sumbangan novelis-novelis yang menulis “novel remaja” (seperti bentuk yang difahaminya) terhadap bidang kesusasteraan Melayu, iaitu: “Persoalan tersebut menjelaskan betapa pentingnya peranan atau usaha penulis *sastera ringan atau lebih manis* disebut sebagai *sastera remaja*, yang selama ini cuba dipertikaikan dan direndahkan usaha mereka” [penekanan disendangkan] (R. Hamzah Dua, 2001: 5). Seterusnya, seorang lagi sasterawan iaitu Ahmad J. Hussein (2010: 16) menyamakan novel-novel remaja

¹⁰ Hadiah Sastera Malaysia merupakan anugerah kebangsaan yang mengiktiraf karya-karya sastera Melayu dalam pelbagai genre pada setiap tahun penilaian sejak tahun 1971. Hadiah Sastera Malaysia kemudian ditukarkan namanya kepada Hadiah Sastera Perdana Malaysia pada tahun penilaian 1996/97.

terbitan DBP, novel-novel remaja yang memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia, novel-novel remaja yang menjadi teks kajian ilmiah dan novel-novel remaja yang menjadi teks Komsas dengan novel-novel cinta picisan, kerana terdapat unsur-unsur percintaan antara remaja dalam novel-novel tersebut seperti yang lumrah ditemui dalam novel-novel popular. Novel-novel remaja daripada sumber-sumber ini dikatakan menyumbang kepada gejala keruntuhan moral remaja, sebagaimana yang ditegaskannya:

Namun di sebalik perkembangan penghasilan novel remaja yang pesat ini, tidak ada ahli masyarakat yang sedar akan kesan negatifnya terhadap para pembaca remaja. Ini adalah kerana novel-novel remaja ini bukan sahaja menggalakkan remaja membaca, tetapi turut mempengaruhi emosi, mengembangkan daya imaginasi mereka untuk melakukan aksi-aksi sumbang dalam jalan ceritanya (Ahmad J. Hussein, 2010: 16)

Berikutan pandangan ini, Halis Azhan Mohd. Hanafiah (2010: 16) menegaskan bahawa DBP, panel Hadiah Sastera Perdana Malaysia, panel pemilih teks KOMSAS dan pensyarah-pensyarah institusi pengajian tinggi mempunyai garis panduan yang tekal dan mantap untuk menilai dan mengenal pasti ciri-ciri novel remaja serius, popular dan picisan. Dalam hal ini, unsur-unsur percintaan antara remaja yang terdapat dalam novel-novel remaja serius dianggap sebagai intipati karya sastera itu semata-mata, dan tidak menjelaskan tema-tema serius yang dibangkitkan oleh novelis-novelisnya. Menurutnya lagi, ini disokong pula oleh pengenalan kursus kesusasteraan remaja di institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara yang dianggap mendorong perbincangan karya sastera remaja sebagai wacana akademik.

Selain itu, isu lain yang turut dibangkitkan ialah keperluan membangunkan bidang kritikan sastera remaja, sama seperti yang pernah disuarakan oleh Othman Puteh dan Hashim Awang pada tahun-tahun 1980-an dan 1990-an. Selain itu, dapat dikatakan bahawa hal kekurangan kritikan ini juga menjadi punca ciri-ciri sastera remaja sukar untuk disepakati sehingga tahun-tahun 2000-an. Dalam hal ini, Arbai'e Sujud (2009: 1 – 8) menjelaskan bahawa kekurangan kritikan sastera remaja sehingga ke tahun-tahun 2000-an adalah bertolak daripada tanggapan umum khalayak iaitu karya sastera remaja tidak berupaya menzahirkan tema dan persoalan yang besar seperti karya sastera dewasa. Bagi mengimbangi kekurangan ini, Universiti Putra Malaysia dan DBP telah bekerjasama menganjurkan Seminar Sehari Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja sebanyak tiga kali iaitu pada 16 Oktober 2008, 9 April 2009 dan 14 Oktober 2010. Seminar-seminar ini mengemukakan kajian-kajian akademik yang dilakukan oleh pelajar-pelajar UPM terhadap karya-karya sastera remaja (dan karya-karya sastera kanak-kanak). Dengan itu, dapat dikatakan bahawa kesusasteraan remaja telah menjadi wacana akademik pada peringkat pengajian tinggi.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, dapatlah dikatakan bahawa perkembangan novel remaja di Malaysia telah berlaku sejak tahun-tahun 1950-an lagi dan berkembang pesat sebagai sebuah genre baharu sejak dibezakan dengan genre novel kanak-kanak pada akhir tahun-tahun 1970-an. Dalam hal ini, dapat juga dikatakan bahawa penganjuran peraduan-peraduan mengarang menjadi suatu aspek yang penting yang mendorong kemajuan genre novel remaja. Ini jelas kerana sejarah genre ini bermula

juga selalu dianggap berkait rapat dengan kejayaan penganjuran dua peraduan mengarang cerita panjang kanak-kanak pada tahun 1951 dan 1956, dan dengan itu menghasilkan novel-novel remaja yang pertama iaitu *Chinchin Rahsia* (1954), *Bahagia Sesudah Derita* (1958) dan *Ahad* (1959). Malah, dapat dikatakan juga garis pemisah antara penulisan novel remaja dengan penulisan novel kanak-kanak bermula sejak penganjuran peraduan mengarang pada akhir tahun-tahun 1970-an dan awal tahun-tahun 1980-an apabila garis panduan dan syarat-syarat peraduan menunjukkan bahawa manuskrip-manuskrip yang menyertai peraduan-peraduan ini hendaklah digarap sebagai memenuhi keperluan khalayak berusia belasan tahun, yang rata-rata terdiri daripada golongan remaja. Seterusnya sejak tahun-tahun 1980-an pula, penganjuran peraduan mengarang menjadi semakin signifikan sebagai pemangkin kemajuan novel remaja, terutamanya sejak genre ini menjadi salah satu kategori yang dipertandingan dalam anugerah Hadiah Sastera Utusan Melayu – Public Bank (sekarang Hadiah Sastera Kumpulan Utusan) dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia, iaitu dua anugerah sastera yang penting di Malaysia. Sejarah dengan pertambahan bilangan novel-novel remaja yang bermutu dan novelis-novelis yang komited, prolifik dan berketrampilan yang lahir daripada peraduan-peraduan mengarang ini, maka definisi, falsafah, konsep, takrif dan ciri novel remaja Malaysia dapat dibahaskan dan menjadi wacana dalam seminar-seminar sastera di peringkat kebangsaan. Pada masa yang sama, bahasan-bahasan yang sama dapat menjelaskan bahawa novel-novel remaja yang diangkat penting dalam arus perdana kesusasteraan Melayu ialah novel-novel yang bercorak serius, dan bukanlah novel-novel yang bercorak picisan dan popular. Apa yang signifikan tentang penganjuran peraduan-peraduan mengarang ialah ada antara novel-novel pemenang itu menjadi teks-teks wajib di sekolah yang diajarkan sebagai komponen sastera (KOMSAS) dalam pengajaran bahasa Malaysia. Tegasnya, penganjuran peraduan-peraduan mengarang inilah yang menjadi aspek penting dan dominan yang membantu hala tuju novel remaja di Malaysia.

1.2. Sorotan Literatur

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, pengamatan awal mendapati bahawa sehingga kini telah ada sejumlah kajian-kajian akademik yang mengkaji tentang sastera remaja, khususnya novel-novel remaja Malaysia. Antaranya ialah tesis kedoktoran oleh Jumali Haji Selamat (2001) berjudul “Cerminan Sosial dan Nilai Murni dalam Novel Remaja”. Tesis ini menggunakan teori Model Cerminan oleh Georg Lukacs dan teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Tesis ini dijalankan dengan meneliti aspek sosial dan nilai murni dalam 25 buah novel remaja Malaysia yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) antara tahun 1990 hingga 1995. Tesis ini bertujuan mengupas aspek tema, persoalan, latar dan nilai murni yang diperagakan dalam novel-novel yang dikaji. Untuk itu, tesis ini menemu bual beberapa orang novelis dan penggiat sastera remaja tanah air untuk memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh tentang bentuk dan corak penulisan dan penerbitan novel remaja di Malaysia. Seterusnya, tesis ini merumuskan bahawa novel-novel remaja Malaysia yang dikaji itu mencerminkan kehidupan remaja dalam aspek politik, budaya dan agama di Malaysia. Nilai-nilai murni yang didapati terkandung dalam novel-novel yang dikaji rata-rata ialah baik hati, berdikari, berhemah, rasional dan saling menghormati. Tesis ini turut mendapati bahawa terdapat hubungan yang jelas antara pemupukan dan peragaan nilai-nilai murni oleh watak-watak remaja dalam novel-novel yang dikaji, dengan keadaan persekitaran yang dikemukakannya.

Nilai-nilai murni yang dinyatakan itu terpancar dalam novel-novel yang dikaji setelah watak-watak remaja mengenali dan memahami aspirasi masyarakatnya. Tesis kedoktoran oleh Jumali Haji Selamat ini dianggap signifikan dengan tujuan kajian yang akan dilakukan kerana membuka ruang pemahaman yang lebih jelas tentang sosiologi dan nilai murni dalam novel remaja, iaitu aspek-aspek yang dijangka akan dibincangkan dalam bab analisis nanti.

Seterusnya, pengamatan dilanjutkan terhadap tesis sarjana falsafah oleh Misran Rokimin (1988) berjudul “State Ideology and Children’s Literature in Malaysia.” Tesis ini dijalankan untuk meneliti pemahaman dan penerapan prinsip-prinsip Rukunegara oleh novelis dalam novel-novel kanak-kanak dan remaja di Malaysia. Tesis ini bertujuan meneliti sejauh mana novelis-novelis berhasil mengungkapkan lima prinsip Rukunegara yang digagaskan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1971 dalam novel-novel yang dikaji. Seterusnya, untuk merealisasikan tujuan ini, tesis ini mengkaji sembilan buah novel kanak-kanak dan remaja Malaysia yang diterbitkan pada tahun-tahun 1970-an. Dalam usaha mencapai objektif-objektif kajiannya, tesis ini membahagikan novel-novel yang dikaji kepada tiga kelompok yang berbeza, iaitu novel-novel bercorak kekeluargaan, sejarah dan advancer. Tesis ini menerapkan pendekatan sejarah dan sosiologi sastera untuk mengesan, mengenal pasti dan menjelaskan aspek-aspek perpaduan nasional yang dihasratkan oleh kerajaan Malaysia selepas tragedi 13 Mei 1969 (iaitu rusuhan kaum terbesar di Malaysia) berlaku, dalam novel-novel yang dikaji. Tesis ini merumuskan bahawa tidak semua novel yang dikaji berhasil menukilkhan karya sastera yang dapat memupuk perpaduan nasional. Daripada sembilan buah novel yang dikaji, tesis ini mendapat hanya tiga buah novel kanak-kanak dan remaja Malaysia yang memenuhi aspirasi kerajaan. Sebaliknya, enam buah novel kanak-kanak dan remaja Malaysia yang lain pula dianggap tidak sesuai, dan justeru tidak dicadangkan menjadi bahan bacaan murid-murid sekolah kerana dikatakan mengandungi unsur-unsur agresif yang bertentangan dengan nilai moral dan pendidikan nasional. Sehubungan dengan tujuan kajian yang akan dilakukan, tesis sarjana falsafah oleh Misran Rokimin ini dianggap signifikan kerana membuka ruang pemahaman yang lebih jelas tentang penerapan aspirasi negara dalam novel remaja, iaitu suatu aspek yang dijangka akan dibincangkan dalam bab analisis nanti.

Seterusnya, pengamatan ini beralih kepada tesis sarjana oleh Jumali Haji Selamat (1997) berjudul “Novel-novel Remaja: Satu Analisis Aspek Sosial.” Tesis ini meneliti persekitaran dan masalah sosial sebagai aspek-aspek yang membentuk perwatakan remaja dalam novel-novel yang dikaji. Tesis ini menggunakan sepuluh buah novel remaja Malaysia yang diterbitkan pada tahun-tahun 1990-an sebagai bahan kajian. Tesis ini dijalankan dengan menggunakan teori strukturalisme-genetik oleh Lucien Goldmann. Tesis ini bertujuan meneliti dan mengenal pasti fungsi karya sebagai cermin sosial, dengan mengungkapkan hubungan antara sejarah dan realiti sosial dengan aspirasi masyarakat pada sesuatu zaman. Untuk itu, tesis Jumali Haji Selamat menerapkan kerangka “*world vision*” (pandangan alam) yang menjadi teras teori strukturalisme-genetik. Kerangka ini digunakan dalam tesis Jumali Haji Selamat bertujuan mengenal pasti bentuk sikap dan kecenderungan watak-watak remaja yang seajar dan memenuhi aspirasi masyarakat masing-masing dalam novel-novel yang dikaji. Berdasarkan kerangka ini, tesis ini menangani hal sejarah dan realiti sosial yang dihadapi oleh watak-watak remaja dalam novel-novel yang dikaji. Sejarah dan realiti sosial ini mencakupi aspek sosio-ekonomi, sosio-politik dan sosio-

budaya, yang diwajarkan oleh persekitaran sosial tertentu. Berdasarkan hasil analisisnya, tesis ini mendapati bahawa terdapat hubungan yang dinamik antara sejarah dan realiti sosial dengan aspirasi masyarakat dalam novel-novel yang dikaji. Tesis ini turut merumuskan bahawa hal sejarah dan realiti sosial adalah penting dalam membentuk perwatakan remaja dalam sistem sosial masing-masing. Tesis sarjana oleh Jumali Haji Selamat ini dianggap memberi manfaat yang besar terhadap kajian yang akan dilakukan kerana membuka ruang pemahaman yang lebih jelas tentang sosiologi dalam novel remaja, iaitu suatu aspek yang dijangka akan dibincangkan dalam bab analisis nanti.

Seterusnya, pengamatan tertumpu kepada tesis sarjana oleh Omar Mamat (1995) berjudul "Nilai-nilai Moral dalam Novel Remaja." Tesis ini ditulis untuk meneliti dan mengenal pasti nilai-nilai moral yang terdapat dalam 37 buah novel remaja Malaysia pilihan. Tesis ini menggunakan kerangka moral dengan memanfaatkan 16 nilai moral yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Nilai-nilai ini dijadikan sebagai keutamaan dalam pemilihan bahan-bahan bacaan di sekolah. Tesis ini mendapati bahawa terdapat dua bentuk nilai yang dikemukakan dalam novel-novel yang dikaji, iaitu nilai positif dan nilai negatif. Antara nilai positif yang dikenal pasti terdapat dalam novel-novel yang dikaji ialah jujur, ikhlas, dedikasi, rajin dan bercakap benar. Manakala, antara nilai negatif yang terdapat dalam bahan-bahan yang sama pula ialah engkar, curang, malas dan bercakap bohong. Walau bagaimanapun, tesis ini merumuskan bahawa nilai-nilai positif diterapkan dengan lebih jelas dalam novel-novel yang dikaji sesuai dengan kegunaannya sebagai alat pendidikan. Selain itu, penerapan nilai-nilai positif ini dianggap dapat menjayakan matlamat KPM untuk melahirkan murid-murid yang berdisiplin, berwawasan, bersikap positif dan bersemangat waja untuk membangunkan bangsa dan negara. Dengan itu, nilai-nilai positif ini didapati selari dengan hasrat dan aspirasi pendidikan negara seperti yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selain itu, tesis ini turut mendapati bahawa nilai-nilai positif ini diterapkan dalam novel melalui keputusan, ujaran dan tindakan watak-watak remaja terhadap isu-isu yang diutarakan dalam cerita. Tesis sarjana oleh Omar Mamat ini dianggap signifikan dengan tujuan kajian yang akan dilakukan kerana membuka ruang pemahaman yang lebih jelas tentang penerapan aspirasi pendidikan negara dan nilai-nilai moral dalam novel remaja, iaitu aspek-aspek yang dijangka akan dibincangkan dalam bab analisis nanti.

Seterusnya pengamatan ini diteruskan terhadap tesis sarjana oleh Mhd. Shokkeri Ismail (1997/1998) berjudul "Citra Remaja dalam Novel-novel Pilihan 1990 – 1995: Satu Kajian Psikologi." Kajian ini dijalankan untuk meneliti dan mengenal pasti citra positif watak-watak remaja yang dibentuk daripada persekitaran sosial masing-masing seperti yang dikemukakan dalam cerita. Untuk itu, tesis ini mengkaji sepuluh buah novel remaja Malaysia pilihan yang diterbitkan antara tahun 1990 hingga tahun 1995. Tesis ini menerapkan teori Psikologi Adler oleh Alfred Adler dan teori Logoterapi oleh Viktor Frankl, sebagai kerangka kajiannya. Tesis ini mendapati citra positif yang dikenal pasti dalam novel-novel yang dikaji ialah citra pemimpin berwibawa, murid aktif dan cemerlang, remaja yang menghargai diri, remaja yang menjadi ahli masyarakat penyayang, dan remaja yang menjadi ahli keluarga yang bertanggungjawab. Tesis ini juga mengenal pasti kecenderungan novel-novel yang dikaji dalam mengutarkan faktor-faktor yang dianggap mempengaruhi pembentukan citra ini. Faktor-faktor ini ialah sikap keluarga, jenis didikan yang diterima, pengaruh

rakan sebaya, dan keberdayaan watak remaja itu sendiri. Sehubungan dengan tujuan kajian yang akan dilakukan, tesis sarjana oleh Mhd. Shokkeri Ismail ini dianggap signifikan kerana membuka ruang pemahaman yang lebih jelas tentang sosiologi dan psikologi remaja dalam novel remaja, iaitu aspek-aspek yang dijangka akan dibincangkan dalam bab analisis nanti.

Seterusnya, kajian ini mengamati tesis sarjana oleh Saroja Theavy a/p Balakrishnan berjudul "Citra Remaja dalam Novel-novel Othman Puteh." Objektif kajian ini ialah meneliti dan mengenal pasti aspek kepengarangan Othman Puteh dalam pencitraan watak-watak remaja dalam novel-novel nukilannya. Tesis ini mengupas aspek pencitraan watak-watak remaja berdasarkan aspek pengalaman, kepakaran dan kajian novelis terhadap dunia remaja. Tesis ini memanfaatkan dua teori iaitu Teori Teksdealisme oleh Mana Sikana dan Teori Robert Havigurst (tentang remaja) oleh Robert Havigurst. Tesis ini mendapat bahawa kerja-kerja kepengarangan Othman Puteh rata-rata menyerlahkan prinsip-prinsip yang menjadi teras Teori Teksdealisme iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan keperibadian. Tesis ini juga mendapat bahawa kerja-kerja kepengarangan Othman Puteh juga sejajar dengan dua daripada lapan tugas perkembangan yang digariskan oleh Teori Robert Havigurst. Dua tugas perkembangan ini ialah menjalinkan hubungan baharu dan lebih matang dengan kawan-kawan yang berlainan jantina (tugas pertama) dan menunjukkan tingkah laku bertanggungjawab dalam masyarakat (tugas kelapan). Selain dua tugas perkembangan ini (iaitu tugas perkembangan pertama dan tugas perkembangan kelapan mengikut susunan dalam Teori Robert Havigurst), enam tugas perkembangan lain ialah mencapai peranan sosial yang bersifat maskulin atau feminin (tugas perkembangan kedua), menggunakan bentuk badan remaja dengan efektif (tugas perkembangan ketiga), mencapai kebebasan emosi daripada ibu bapa dan orang-orang dewasa yang lain (tugas perkembangan keempat), menyediakan diri untuk perkahwinan dan kehidupan berkeluarga (tugas perkembangan kelima), menyediakan diri untuk suatu kerjaya yang dapat menampung kehidupan (tugas perkembangan keenam) dan mencapai suatu set nilai dan sistem etika sebagai panduan tingkah laku yang akan membentuk ideologi sendiri (tugas perkembangan ketujuh). Tesis ini merumuskan bahawa Othman Puteh mengutamakan dan menerapkan dua tugas perkembangan di atas, dalam usahanya membentuk citra remaja dalam novel-novel nukilannya. Tesis sarjana oleh Saroja Theavy a/p Balakrishnan ini dianggap memberi manfaat yang besar terhadap kajian yang akan dilakukan kerana membuka ruang pemahaman yang lebih jelas tentang psikologi remaja dalam novel remaja, iaitu suatu aspek yang dijangka akan dibincangkan dalam bab analisis nanti.

Seterusnya, pengamatan ini beralih kepada tesis sarjana oleh Norrodzoh Haji Siren (1997) berjudul "Diri: Satu Analisis Diri Remaja dalam Novel Remaja Melayu Terpilih". Tesis ini menggunakan seratus buah novel remaja Malaysia yang diterbitkan oleh beberapa buah penerbitan di Malaysia. Objektif kajian ini ialah meneliti dan mengungkapkan watak dan perwatakan remaja dari sisi etika dan falsafah, dan meninjau bentuk-bentuk konflik remaja. Empat teori yang digunakan ialah "Konsep-konsep Diri" oleh Muhammad Iqbal, "Metode-metode Etika" oleh Henry Diswick, "Kejadian Manusia dan Perjuangan Hidup" oleh Mohd. Ali Abu Bakar, dan "Pendekatan Psikologi Remaja" oleh Arthur T. Jersild. Tesis ini mendapat bahawa watak-watak remaja dalam novel-novel yang dikaji membuat pertimbangan secara adil dan saksama dengan memanfaatkan akal budi dan fikiran.

Hal ini didapati terserlah apabila novel-novel yang dikaji memanifestasikan tindakan watak-watak dalam menanggap dan menangani konflik-konflik yang tercetus dalam kehidupan mereka. Manifestasi ini diteliti dari aspek fisiologi, mental, tingkah laku, emosi dan sosial. Tesis ini juga mendapati bahawa watak-watak remaja dalam novel-novel yang dikaji rata-rata diperagakan sebagai protagonis yang memiliki jati diri serta moral dan etika Melayu dan Islam. Dengan citra seperti ini, watak-watak remaja ini dianggap memperagakan falsafah diri yang kukuh untuk menanggap dan menangani hal kebebasan, perhatian, kasih sayang, dan pelarian (*escapism*) yang diutarakan dalam cerita. Berdasarkan hasil analisis, tesis ini merumuskan bahawa kecenderungan para novelis untuk menerokai falsafah diri remaja menjadi tunjang dalam pemeragaan watak-watak remaja dalam novel-novel yang dikaji. Sehubungan dengan tujuan kajian yang akan dilakukan, tesis sarjana oleh Norrodzoh Haji Siren ini dianggap signifikan kerana membuka ruang pemahaman yang lebih jelas tentang psikologi remaja mengikut pandangan Islam dan Barat dalam novel remaja, iaitu aspek-aspek yang dijangka akan dibincangkan dengan mendalam dalam bab analisis nanti.

Seterusnya, pengamatan ini tertumpu kepada tesis sarjana Halis Azhan Mohd. Hanafiah (2001) berjudul “Novel-novel Zailiani Taslim: Analisis Kehendak Remaja.” Tesis ini menggunakan enam buah novel Zailiani Taslim sebagai bahan kajian. Tesis ini dilakukan bertujuan meneliti dan mengenal pasti kehendak-kehendak remaja dalam novel-novel yang dikaji. Untuk itu, hal-hal yang ditangani dalam kajian ini ialah sebab-sebab kehendak remaja muncul, tindakan-tindakan yang dilakukan oleh remaja untuk mencapai kehendaknya dan kesan-kesan daripada tindakan yang dilakukan oleh remaja. Tesis ini memanfaatkan Teori Hierarki Kehendak Manusia oleh Abraham H. Maslow. Lima peringkat kehendak manusia yang diteliti dalam tesis ini ialah peringkat fisiologi, peringkat keselamatan, peringkat kasih sayang dan keinginan dimiliki, peringkat penghargaan kendiri, dan peringkat penyempurnaan kendiri. Tesis ini mendapati bahawa watak-watak remaja dalam novel-novel yang dikaji mencapai kehendak-kehendak pada empat peringkat pertama dalam Teori Hierarki Kehendak Manusia oleh Abraham H. Maslow ini. Dalam konteks penemuan ini, tesis ini menjelaskan bahawa meskipun watak-watak remaja dalam novel-novel yang dikaji belum mencapai kehendak-kehendak mereka pada peringkat terakhir teori ini, namun kesemuanya mendapat gambaran dan tunjuk arah untuk mencapainya daripada watak-watak dewasa yang sudah mengecapinya pada peringkat itu (iaitu peringkat kelima). Berdasarkan hasil analisis, tesis ini merumuskan bahawa sebagai novelis, Zailiani Taslim memperagakan watak-watak remaja dalam novel-novelnya dengan nilai-nilai diri yang positif untuk mencapai kehendak-kehendak mereka pada setiap peringkat dalam hierarki berkenaan. Tesis sarjana oleh Halis Azhan Mohd. Hanafiah ini dianggap signifikan dengan tujuan kajian yang akan dilakukan kerana membuka ruang pemahaman yang lebih jelas tentang psikologi remaja dalam novel remaja, iaitu aspek yang dijangka akan dibincangkan dalam bab analisis nanti.

Seterusnya, pengamatan ini turut meneliti tesis sarjana oleh Mohd. Azhar Su (2005) berjudul “Gaya Bahasa Dalam Novel Remaja Khairuddin Ayip.” Tesis ini dijalankan ke atas enam buah novel yang dinukilkan oleh Khairuddin Ayip. Tesis ini bertujuan meneliti dan mengenal pasti gaya bahasa yang digunakan oleh Khairuddin Ayip dalam novel-novel nukilannya. Untuk ini, tesis ini menggunakan dua pendekatan, iaitu pendekatan stilistik dan pendekatan struktural. Berdasarkan kedua-dua

pendekatan ini, tesis ini mendapati bahawa latar belakang dan pengalaman Khairuddin Ayip sebagai seorang guru yang dididik secara formal, telah dimanfaatkan oleh beliau dalam penulisan novel-novel nukilannya. Tesis ini juga berpendapat bahawa dengan latar belakang dan pengalaman ini, novel-novel nukilan Khairuddin Ayip dapat memperkenalkan nilai etika dan intelek yang disampaikan melalui penggunaan gaya bahasa yang menarik. Dalam konteks ini, tesis ini mendapati bahawa pemilihan dan penggunaan unsur-unsur gaya bahasa yang tepat dalam menyerlahkan nilai-nilai dalam novel-novel yang dikaji. Tesis ini juga mendapati bahawa sebanyak 31 unsur gaya bahasa digunakan oleh Khairuddin Ayip untuk melakarkan tema, persoalan, plot, latar, dan watak dan perwatakan. Unsur-unsur ini didapati telah dimanfaatkan oleh Khairuddin Ayip untuk menyerlahkan nilai-nilai baik dalam kehidupan, selain memberi hiburan kepada khalayak melalui penggunaan bahasa yang indah. Sehubungan dengan tujuan kajian yang akan dilakukan, tesis sarjana oleh Mohd. Azhar Su ini dianggap signifikan kerana membuka ruang pemahaman yang lebih jelas tentang gaya bahasa yang digarap dalam novel remaja, iaitu suatu aspek yang dijangka akan dibincangkan dalam bab analisis nanti.

Pengamatan seterusnya beralih kepada tesis sarjana Nor Alina Ong (2007) berjudul “Children and Young Adults’ Award Winning Literature in Malaysia, 1957 – 2006: A Bibliographic Study.” Tesis ini dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap karya-karya yang memenangi peraduan mengarang cerpen dan novel kanak-kanak dan remaja di Malaysia sepanjang tahun 1957 - 2006. Tesis ini mengutarkan analisis kuantitatif terhadap aspek-aspek berkaitan peraduan mengarang seperti nilai hadiah kemenangan, penganjur, genre, pemenang dan kategori penyertaan. Selain itu, tesis ini turut membincangkan beberapa aspek penganjuran peraduan dengan sumber-sumber seperti iklan peraduan, syarat-syarat peraduan, dan laporan panel hakim. Berdasarkan analisisnya, tesis ini mendapati bahawa dalam jangka masa antara tahun 1957 hingga tahun 2006, sebanyak 51 peraduan mengarang cerpen dan novel kanak-kanak dan remaja telah diadakan di Malaysia. Aspek-aspek yang dikaji melibatkan nilai hadiah, penganjur, genre, pemenang dan kategori penyertaan yang berbeza-beza. Selain itu, tesis ini turut menyerlahkan kecenderungan novelis-novelis tertentu untuk menulkirkan karya dalam genre-genre yang khusus dan kemudian memenangi hadiah-hadiah yang dipertandingkan secara konsisten. Tesis ini juga merumuskan bahawa tujuan utama setiap peraduan mengarang dianjurkan rata-rata ialah untuk memperoleh karya-karya yang bermutu. Tesis sarjana oleh Nor Alina Ong ini dianggap signifikan dengan tujuan kajian yang akan dilakukan kerana membuka ruang pemahaman yang lebih jelas tentang sejarah penganjuran peraduan mengarang novel remaja, iaitu aspek yang dijangka akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam bab analisis nanti.

Pengamatan seterusnya beralih kepada tesis sarjana oleh Shahrun Nizal Mohd. Nor (2010) berjudul “Kritikan Sastera Remaja dari Tahun 1980 hingga 2008: Suatu Analisis.” Tesis ini bertujuan mengamati trend kritikan sastera remaja di Malaysia selama tiga dekad perkembangannya, iaitu dari tahun 1980 hingga tahun 2008. Untuk itu, tesis ini meneliti sebanyak 34 kritikan sastera remaja yang dikemukakan oleh seramai 25 orang pengkritik yang terdiri daripada sarjana-sarjana dan penggiat-penggiat sastera tanah air. Bahan-bahan untuk kajian berupa esei-esei yang terbit dalam akhbar *Mingguan Malaysia* dan *Berita Minggu* dan majalah *Dewan Sastera*.

Ketiga-tiga wadah ini dikatakan secara konsisten menyiaran kolumn-kolumn sastera pada setiap keluarannya. Berdasarkan analisisnya, tesis ini menjelaskan bahawa penghasilan ese-i-esei kritikan sastera remaja adalah kecil jumlahnya berbanding ese-i-esei kritikan sastera dewasa. Tesis ini mendapati bahawa kebanyakan ese-i-esei kritikan sastera remaja ini dikaji dengan mengguna pakai pendekatan formalistik. Pendekatan formalistik ini dianggap menjadi pilihan utama para pengkritik kerana sudah lama diperkenalkan di negara ini. Selain itu, pendekatan ini dianggap sebagai kaedah yang paling mudah untuk memperkatakan intipati sesbuah karya sastera remaja kepada khalayak. Tesis sarjana oleh Shahrin Nizal Mohd. Nor ini dianggap signifikan dengan tujuan kajian yang akan dilakukan kerana membuka ruang pemahaman yang lebih jelas tentang kritikan sastera remaja, iaitu suatu aspek yang dijangka akan dibincangkan dalam bab analisis nanti.

Seterusnya, selain tesis-tesis di atas, pengamatan ini turut meneliti makalah-makalah ilmiah yang mengkaji novel-novel remaja Malaysia. Antaranya, makalah oleh Talib Samat (1997) berjudul “Unsur-unsur Islam Dalam Novel Remaja”. Makalah ini membincangkan unsur-unsur Islam dalam novel remaja Malaysia yang mencakupi tiga perspektif, iaitu Islam dari segi tema, Islam dari segi gaya bahasa, dan Islam dari segi teknik penulisan dan estetika. Untuk itu, makalah ini meneliti sebelas buah novel remaja Malaysia yang dibahagikan kepada dua kelompok, iaitu novel-novel remaja yang memenangi Hadiah Sayembara Novel Remaja Islam Pertama anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1992, dan novel-novel remaja yang tidak memenangi hadiah sastera. Makalah ini menggunakan pendekatan formalistik untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur Islam dalam novel-novel yang dikaji. Berdasarkan penelitiannya, makalah ini merumuskan bahawa novel-novel yang dikaji menyerahkan unsur-unsur Islam. Sehubungan itu, makalah ini turut menjelaskan bahawa novel-novel yang menerapkan unsur-unsur ini diterbitkan dalam peratusan yang kecil. Makalah ini juga berpendapat bahawa terdapat kecenderungan dalam kalangan novelis-novelis untuk menjadikan novel sebagai wadah penyebaran syiar Islam kepada khalayak. Akan tetapi, perlu juga dijelaskan bahawa sebagai suatu makalah, tulisan Talib Samat ini tidak komprehensif kerana keterbatasan ruang. Sehubungan dengan tujuan kajian yang akan dilakukan, makalah oleh Talib Samat ini dianggap penting dan signifikan kerana membuka ruang pemahaman yang lebih jelas tentang garapan novel-novel remaja berunsur Islam, iaitu suatu aspek yang dijangka akan dibincangkan dalam bab analisis nanti.

Seterusnya, pengamatan tertumpu kepada makalah oleh Mohamad Saleeh Rahamad (1997) berjudul “Novel Sejarah Remaja di Malaysia – Perkembangan dan Permasalahan.” Makalah ini berusaha untuk memberikan gambaran tentang bentuk novel remaja Malaysia berunsur sejarah. Makalah ini bertujuan mengenal pasti dan meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan dan pemasalahan novel remaja Malaysia berunsur sejarah yang dianggap lesu dan terbit secara bermusim. Faktor-faktor yang diteliti antaranya ialah penglibatan novelis, kesan penganjuran peraduan mengarang, peranan kerajaan melalui KPM, dan dasar penerbitan dan pemasaran buku di Malaysia. Makalah ini merumuskan bahawa sungguhpun novel-novel ini menghidangkan nilai-nilai teladan dan patriotik, tetapi kehadirannya dianggap tidak signifikan di pasaran. Ini kerana trend pendidikan negara tertumpu kepada buku-buku akademik dengan orientasi sains dan teknologi. Khalayak dikatakan lebih banyak membeli buku-buku akademik dengan orientasi sains dan teknologi kerana kedua-dua bidang ini dianggap menawarkan masa depan yang lebih

baik kepada anak-anak mereka. Dengan itu, novel remaja Malaysia berunsur sejarah didapati berkembang dengan begitu perlahan. Makalah ini merumuskan bahawa sungguhpun tidak memberi keuntungan yang memuaskan kepada penerbit, tetapi novel-novel ini masih dianggap perlu diterbitkan dan dipasarkan untuk menerapkan nilai pendidikan, perpaduan dan patriotik kepada khlayak. Akan tetapi, perlu juga dijelaskan bahawa sebagai satu makalah, tulisan Mohamad Saleeh Rahamad ini tidak komprehensif kerana keterbatasan ruang. Makalah oleh Mohamad Saleeh Rahamad ini dianggap signifikan dengan tujuan kajian yang akan dilakukan kerana membuka ruang pemahaman yang lebih jelas tentang garapan novel-novel remaja berunsur sejarah, iaitu suatu aspek yang dijangka akan dibincangkan dalam bab analisis nanti.

Pengamatan seterusnya beralih kepada makalah oleh Hizairi Othman (1997) berjudul “Unsur-unsur Sains dan Fantasi dalam Novel Remaja di Malaysia.” Makalah ini menyoroti perkembangan novel-novel remaja Malaysia berunsur fiksyen sains dan fantasi yang dianggap bermula pada sekitar tahun-tahun 1970-an. Selain itu, makalah ini turut membincangkan implikasi penerbitan dan pemasaran novel-novel remaja Malaysia berunsur sains dan fantasi ini terhadap bidang kesusastraan remaja. Makalah ini berpendapat bahawa sungguhpun dasar pendidikan semasa adalah berorientasikan pengajaran dan pembelajaran sains dan teknologi, tetapi hal ini didapati tidak banyak membantu perkembangan novel remaja Malaysia berunsur fiksyen sains. Selain itu, novel remaja Malaysia berunsur fantasi didapati masih memperagakan mitos dan dongeng yang dianggap bertentangan dengan fakta sains. Makalah ini juga melakarkan faktor-faktor lain yang dianggap telah membataskan perkembangan novel berunsur fiksyen sains dan fantasi. Antaranya, inisiatif yang terhad kepada penerbit dan kekurangan novelis yang benar-benar memahami konsep penukilan karya fiksyen sains dan fantasi. Makalah ini juga merumuskan bahawa kecenderungan khlayak memilih novel remaja Malaysia berunsur kemasyarakatan adalah didorong oleh persepsi bahawa novel remaja Malaysia berunsur fiksyen sains dan fantasi adalah tidak realistik dan terbatas dalam dunia khayalan semata-mata. Sehubungan dengan tujuan kajian yang akan dilakukan, makalah oleh Hizairi Othman ini dianggap penting dan signifikan kerana membuka gambaran yang lebih jelas tentang garapan novel-novel remaja berunsur fiksyen sains dan fantasi, iaitu suatu aspek yang dijangka akan dibincangkan dalam bab analisis nanti.

Seterusnya, pengamatan ini meneliti makalah Rahman Shaari (1997) berjudul “Aspek Bahasa dalam Novel Remaja”. Makalah ini memperkatakan aspek bahasa dalam tiga buah novel remaja Malaysia pilihan. Antara aspek bahasa yang diperkatakan ialah gaya bahasa, pemilihan kata, dialog, bahasa perbandingan dan tatabahasa. Perbincangan tertumpu kepada dua aspek bahasa yang dianggap penting, iaitu gaya bahasa dan tatabahasa. Ini kerana penggunaan dua aspek bahasa ini dalam karya sastera dikatakan selalu menjadi pertentangan antara ahli bahasa dengan ahli sastera. Hal ini demikian kerana ahli bahasa berpegang kepada hukum tatabahasa, sementara ahli sastera pula dikatakan menganggap bahasa sebagai alat yang dapat memaknakan karya sasteranya. Justeru, ahli sastera dikatakan meminggirkan hukum tatabahasa dan lebih mengutamakan kepelbagaiannya gaya bahasa dalam karya sastera. Dengan latar permasalahan ini, makalah ini menyimpulkan bahawa para novelis wajar membina keseimbangan antara aspek tatabahasa dengan aspek gaya bahasa dalam menghasilkan karya sastera remaja. Ini kerana karya yang dikatakan bernilai ialah karya yang dinukilkan dengan mempertimbangkan aspek-aspek bahasa yang betul. Merujuk kepada novel remaja Malaysia, bahasa yang digunakan wajar

mencapai tahap perkembangan bahasa khalayak sasarnya, iaitu golongan remaja. Secara keseluruhannya, makalah ini memperlihatkan bahawa aspek bahasa menjadi pertimbangan penting dalam mengangkat nilai sesebuah novel remaja. Makalah oleh Rahman Shaari ini dianggap penting dan signifikan dengan tujuan kajian yang akan dilakukan kerana membuka ruang pemahaman dan gambaran yang lebih jelas tentang gaya bahasa dan tatabahasa dalam novel remaja, iaitu aspek-aspek yang dijangka akan dibincangkan dalam bab analisis nanti.

Selanjutnya, pengamatan ini turut meneliti makalah Arba'ie Sujud (2009) berjudul "Menjelajah Dimensi Sastera Kanak-kanak dan Remaja di Malaysia: Suatu Penelitian." Makalah ini meneliti perkembangan dan pemasalahan novel remaja di Malaysia sejak kemenangan *Chincin Rahsia* karya Muhammad Hashim Amir Hamzah dalam peraduan mengarang cerita panjang kanak-kanak anjuran Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1954, sehingga tahun 2009. Berdasarkan jangka masa tersebut, makalah ini membicarakan isu-isu yang melibatkan sarjana, penggiat sastera dan kritikawan dalam mencari kesepakatan tentang takrif dan definisi karya sastera remaja yang memenuhi aspirasi khalayak. Antara yang dibicarakan ialah bentuk karya yang sesuai untuk khalayak, garis kabur yang memisahkan sastera kanak-kanak dengan sastera remaja, dan polemik teks Komponen Sastera (KOMSAS) dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia di sekolah. Turut dibicarakan ialah isu tanggapan umum bahawa karya sastera remaja belum mencapai mutu yang setanding dengan karya sastera dewasa. Isu-isu ini secara kolektif dikatakan menjadi punca kesusasteraan remaja di Malaysia berkembang dengan perlahan apabila dibandingkan dengan kesusasteraan dewasa. Akan tetapi, perlu juga dijelaskan bahawa sebagai suatu makalah, tulisan Arba'ie Sujud ini tidak komprehensif kerana keterbatasan ruang. Makalah oleh Arba'ie Sujud ini dianggap signifikan dengan tujuan kajian yang akan dilakukan kerana membuka ruang pemahaman yang lebih jelas tentang perkembangan awal dan semasa novel remaja di Malaysia, iaitu aspek-aspek yang dijangka akan dibincangkan dalam bab analisis nanti.

1.3 Permasalahan Kajian

Pengamatan terhadap kajian-kajian sedia ada tentang novel remaja Malaysia seperti yang dilakukan di atas, menyerlahkan beberapa pemahaman yang berguna dalam menentukan fokus kajian ini. Sebagaimana yang terserlah dengan jelas, sehingga kini telah ada sejumlah kajian-kajian ilmiah baik yang diusahakan dalam bentuk tesis sama ada di peringkat sarjana atau kedoktoran, mahupun berupa kajian-kajian kecil yang dikemukakan dalam bentuk makalah dan kertas kerja. Lebih penting lagi, daripada kajian-kajian ini, dapat diamati beberapa kecenderungan terutamanya dari segi topik, skop dan pemilihan bahan kajian. Antaranya, kecenderungan yang ketara terhadap topik-topik berkaitan nilai-nilai murni atau moral yang mengisi novel-novel remaja di Malaysia, sebagaimana yang telah sedia ditangani dalam kajian oleh Jumali Haji Selamat, Omar Mamat dan Norrodzoh Haji Siren. Selain itu, terdapat juga kecenderungan terhadap topik-topik yang berlebar tentang soal imej, citra dan jati diri remaja yang didasarkan kepada dunia fiktif yang diciptakan dalam novel-novel remaja Malaysia yang dikaji. Lanjutan itu, terdapat juga kajian lain yang berusaha untuk membicarakan topik-topik seperti falsafah negara dan unsur-unsur Islam, yang ditangani secara preskriptif dengan menjadikan falsafah atau konsep tertentu sebagai kerangka dalam menganalisis teks-teks kajian. Selain itu ialah

kajian-kajian yang membicarakan aspek atau isu berkaitan dunia kesusasteraan seperti gaya bahasa, trend kritikan dan unsur sains fiksyen, termasuklah mengusahakan kajian yang bersifat bibliografi, sebagaimana yang ditangani dalam kajian oleh Nor Alina Ong.

Merujuk kepada kecenderungan ini, kajian-kajian sedia ada ini di satu pihak, dilihat lebih cenderung memanfaatkan aspek dalaman teks, dengan menganalisis apa yang sedia dimanifestasikan dalam isi kandungan novel-novel remaja yang dikaji seperti yang dilakukan dalam kajian oleh Jumali Haji Selamat, Misran Rokimin, Omar Mamat, Mhd. Shokkeri Ismail, Saroja Theavy a/p Balakrishnan, Norrodzoh Haji Siren, Halis Azhan Mohd. Hanafiah, Mohd. Azhar Su, Talib Samat, Hizairi Othman dan Rahman Shaari. Di pihak yang lain pula, terdapat kajian-kajian yang membicarakan aspek-aspek luaran teks seperti trend kritikan, kajian bibliografi, perkembangan dan permasalahan novel remaja Malaysia, sebagaimana yang dilakukan dalam kajian oleh Nor Alina Ong, Shahrun Nizal Mohd. Nor, Mohamad Saleeh Rahamad dan Arbai'e Sujud. Dan, adalah jelas daripada pengamatan ini bahawa pengkajian terhadap kedua-dua aspek ini iaitu aspek dalaman dan aspek luaran teks, rata-rata dilakukan secara terpisah.

Seterusnya, dan lebih penting lagi, kecenderungan-kecenderungan yang dirumuskan di atas melakarkan beberapa lompong tertentu dalam korpus penyelidikan dan kesarjanaan berkaitan novel-novel remaja Malaysia. Satu perkara yang terserlah dengan jelas ialah terbatasnya jumlah novel-novel remaja Malaysia yang dijadikan sebagai bahan dalam kajian-kajian sedia ada ini. Keterbatasan ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara. Pertama, pemilihan bahan kajian itu sendiri yang didasarkan kepada kriteria-kriteria tertentu seperti teks-teks wajib sekolah terutamanya KOMSAS, atau novel-novel yang memenangi sayembara tertentu. Ini termasuklah novel-novel hasil nukilan novelis-novelis tertentu seperti Othman Puteh, Khairuddin Ayip dan lain-lain. Selain itu, terdapat juga kajian yang memilih bahan-bahan kajiannya berdasarkan kepada periode-periode penerbitannya.

Kedua,kekangan ruang kajian itu sendiri yang disebabkan oleh batasan halaman terutamanya kajian-kajian yang ditangani dalam bentuk makalah dan kertas kerja, yang dengan sendirinya tidak memungkinkan satu penelitian dilakukan terhadap novel-novel remaja Malaysia secara ektensif dalam satu jumlah yang besar dan lumayan. Sesungguhnya, soal keterbatasan jumlah novel-novel remaja Malaysia yang dijadikan sebagai bahan kajian ini dapat dianggap signifikan, kerana ia tidak sejajar dengan kepesatan perkembangan dan penghasilan novel-novel remaja di Malaysia, seperti yang telah dibangkitkan dalam bahagian Pengenalan. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa sejajar dengan kepesatan perkembangan ini, sudah tiba masanya untuk dilaksanakan satu kajian ilmiah yang secara serius dapat meneliti novel-novel remaja Malaysia dalam jumlah yang lebih ekstensif, tanpa dibatasi oleh batasan-batasan seperti kedudukan teks atau karya novelis tertentu. Dengan kata lain, terdapat keperluan untuk mengusahakan satu kajian ilmiah yang secara komprehensif meneliti novel-novel remaja Malaysia dari awal hingga mutakhir.

Selain itu, terdapat juga lompong yang ketara dari segi topik dan skop kajian. Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, sebahagian besar kajian ilmiah tentang novel-novel remaja di Malaysia cenderung terhadap topik-topik berkaitan nilai-nilai murni/moral, citra dan unsur-unsur psikologi. Tidak dinafikan bahawa terdapat

beberapa kajian ilmiah yang turut meneliti topik-topik seperti gaya bahasa dan unsur sains fiksyen. Akan tetapi, apa yang jelas rata-rata kajian ini tertumpu kepada aspek dalaman sahaja iaitu isi kandungan, dan tidak mengaitkannya dengan aspek luar yang melingkungi teks-teks kajian. Ini dengan sendirinya membuka ruang terhadap satu kajian ilmiah yang meneliti kedua-dua aspek iaitu aspek dalaman teks, dan aspek luaran teks, terutamanya meneliti perkaitan hubungan antara kedua-dua aspek ini. Merujuk kepada penerokaan aspek luaran teks ini, tidak dinafikan bahawa telah ada beberapa usaha yang signifikan dalam membicarakan topik atau isu seperti perkembangan dan permasalahan berkaitan novel remaja Malaysia, sebagaimana yang telah ditangani oleh Mohamad Saleeh Rahamad dalam makalah bertajuk "Novel Sejarah di Malaysia – Perkembangan dan Permasalahan", dan Arbai'e Sujud dalam makalah bertajuk "Menjelajah Dimensi Sastera Kanak-kanak dan Remaja di Malaysia: Suatu Penelitian." Akan tetapi, sesuai dengan kedudukan kedua-dua kajian ini yang hadir dalam bentuk makalah, pembicaraan tentang topik dan isu tersebut rata-rata dibatasi oleh faktor halaman dan keterbatasan ruang. Ini dengan sendirinya membuka ruang untuk satu kajian ilmiah yang lebih besar seperti tesis kedoktoran yang menangani topik yang meliputi aspek dalaman dan luaran teks secara komprehensif.

Sesungguhnya, kajian ini berhasrat untuk mengisi lompong-lompong yang dinyatakan di atas, dengan memberikan fokus terhadap aspek dalaman teks dan aspek luaran teks, yang bukan lagi dianalisis secara terpenggal atau *fragmented* sebagaimana kajian-kajian sedia ada, tetapi diteliti secara perkaitan dan hubungan antara kedua-duanya. Merujuk kepada aspek dalaman teks, kajian ini berpendapat bahawa aspek tema wajar diberikan perhatian. Ini kerana, dalam pemahaman yang lumrah, aspek tema rata-rata dianggap induk kepada aspek-aspek dalaman teks yang lain, dan justeru menunjangi pengkonsepsian sesebuah novel secara keseluruhannya. Sebagaimana yang akan dijelaskan secara lebih lanjut dalam bahagian Konsep nanti, aspek "tema" dalam takrifannya yang lumrah rata-rata difahami sebagai satu subjek yang di dalamnya mencerminkan persepsi, perspektif, pandangan, pemikiran dan wacana yang dikemukakan oleh seseorang novelis. Dengan takrifan dan pemahaman ini, aspek "tema" rata-rata dianggap mempengaruhi aspek pembikinan naratif dalam penulisan sesebuah novel. Ini termasuklah mencorakkan aspek penggembungan alat-alat penceritaan seperti watak dan perwatakan, plot, konflik, gaya bahasa dan sebagainya. Dengan pemahaman tentang kesignifikan peranannya yang sedemikian, kajian ini akan memberikan perhatian khusus terhadap aspek "tema" dalam novel-novel remaja Malaysia yang dikaji. Seperti yang telah dinyatakan, perbincangan lebih mendalam tentang aspek "tema" akan dilakukan dalam bahagian Definisi Konsep nanti. Seterusnya, dengan perhatian khusus terhadap aspek "tema" yang mewakili aspek dalaman teks ini, kajian ini juga akan meneliti aspek luaran teks yang melingkungi novel-novel remaja Malaysia yang dikaji. Dan, seperti yang telah dinyatakan pada awal perenggan ini, kedua-dua aspek iaitu aspek dalaman dan aspek luaran teks akan dianalisis secara kritis guna meneliti dinamika perkaitan dan hubungan antara kedua-duanya.

Seterusnya, dan berkaitan dengan bahan kajian itu sendiri, kajian ini akan mengkaji novel-novel remaja Malaysia dalam satu jumlah yang dapat dianggap berbobot atau *substantive*, guna menampung lompong dan kelemahan dalam kajian-kajian sedia ada, sebagaimana yang telah dibangkitkan di atas. Hasrat ini dapat dikatakan munasabah memandangkan hakikat bahawa kajian ini memang diusahakan pada

peringkat kedoktoran yang memperuntukkan ruang kajian yang lebih besar, berbanding tesis master, latihan ilmiah, atau makalah. Penjelasan terperinci tentang pemilihan bahan kajian ini akan dilakukan pada bahagian yang seterusnya.

1.4 Objektif Kajian

Lanjutan daripada permasalahan di atas, tiga objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:-

1. menganalisis tema-tema dalam novel-novel remaja Malaysia.
2. menghuraikan hubungan antara tema dalam novel-novel remaja Malaysia yang dikaji dengan faktor-faktor luaran teks.
3. mensintesikan dinamika tema dalam novel-novel remaja Malaysia yang dikaji dengan faktor-faktor luaran teks.

1.5 Pendekatan Kajian

Seterusnya, bagi menganalisis objektif-objektif di atas, kajian ini akan menggunakan pakai Sosiologi Sastera sebagai pendekatan kajian. Pemilihan Sosiologi Sastera ini adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip penting yang mendasari pendekatan ini. Pertama, prinsip Sosiologi Sastera yang menegaskan bahawa sesebuah karya sastera ialah dokumen sosial yang sah (*legitimate*) dan berautoriti. Ini bererti, novel-novel remaja yang dikaji dapat dianggap sebagai sumber yang merakamkan maklumat-maklumat sosial, ekonomi dan politik bagi sesebuah masyarakat yang diperkatakan oleh novelisnya. Maklumat-maklumat sosial, ekonomi dan politik dianggap berupaya menerangkan maklumat-maklumat yang jelas tentang kehidupan manusia yang rencam, pelbagai dan dinamik, yang lazimnya dilakarkan oleh novelis dengan mematuhi norma-norma masyarakat tersebut. Dengan itu, dalam ceritanya, novelis dianggap memberi sumbangan dengan menggambarkan bagaimana sesebuah masyarakat itu dapat berkembang pada sesuatu masa dan zaman.

Kedua, prinsip Sosiologi Sastera yang menjelaskan bahawa penukilan sesebuah karya sastera seperti novel, lahir daripada hubungan timbal balik antara tiga pihak yang saling berkaitan iaitu sasterawan, karya sasteranya dan masyarakatnya. Dalam hal ini, sasterawan termasuk novelis dianggap sebagai sumber makna dalam novel. Dengan itu, penelitian terhadap sesebuah novel tidak dapat tiada perlu dikaitkan dengan pemahaman tentang persekitaran yang melingkungi novelis dalam penukilan novelnya. Dengan persekitaran yang melingkunginya itu, novelis dijangka mempunyai tujuan-tujuan tertentu ketika menukilkan novelnya, dan berkemungkinan dipengaruhi atau peka terhadap citarasa, trend, kecenderungan dan konvensi masyarakat yang melingkungi novelnya. Dengan berdasarkan situasi ini, novel dianggap menjalinkan hubungan dengan aspek-aspek sosiologi dalam sesebuah masyarakat.

Penting untuk dijelaskan, kedua-dua prinsip di atas ini yang menjadi teras dalam pendekatan Sosiologi Sastera adalah memanfaatkan pandangan beberapa tokoh pemikir seperti Hippolyte Adolphe Taine (seterusnya Taine), Georg Lukacs (seterusnya Lukacs), Lucien Goldmann (seterusnya Goldmann) dan Alan Swingewood (seterusnya Swingewood). Justeru, perbincangan dalam bab seterusnya akan membincangkan secara panjang lebar tentang pandangan tokoh-tokoh di atas. Antaranya, pandangan Taine yang antara lain menekankan bahawa karya sastera

lazimnya dinukilkan dengan berdasarkan ketelitian sasterawan dalam menggarap permasalahan individu atau masyarakat dalam lingkaran bangsa (*race*), persekitaran sosial (*surrounding*) dan zaman (*epoch*). Seterusnya ialah pandangan Lukacs yang dikenali sebagai “Model Pencerminan” (*Reflection*), dan dibangunkan dengan bersandarkan tanggapannya bahawa sesbuah karya sastera mencerminkan realiti sosial pada sesuatu masa. Seterusnya pandangan Goldmann yang turut dikenali sebagai Teori Strukturalisme Genetik (*Structuralism Genetics*), dan dibangunkan dengan bersandarkan tanggapannya bahawa gambaran realiti sosial dalam sesbuah karya sastera turut melakarkan gagasan dan pandangan alam bagi sesbuah masyarakat. Dan, terakhir ialah pandangan Swingewood yang menyatakan bahawa karya sastera pada sesuatu zaman menjadi “cerminan sosial” kerana melakarkan pengaruh, kecenderungan dan keperluan dalam masyarakat dan masa. Sebagaimana yang telah dinyatakan, perbincangan lanjut tentang pandangan tokoh-tokoh ini akan dilakukan secara mendalam dan terperinci dalam Bab II.

1.6. Definisi Konsep

Seterusnya, dalam memantapkan fokus kajian, perbincangan seterusnya akan membincangkan beberapa istilah penting yang akan diguna pakai sepanjang kajian ini. Lima istilah yang akan diberikan takrifan secara mendalam dan terperinci ialah “dinamika”, “tema”, “novel”, “remaja” dan “novel remaja”.

1.6.1. Dinamika

“Dinamika” berasal daripada akar kata “dinamik”. Kamus Dewan (2007: 352) mentakrifkan “dinamik” sebagai “bertenaga dan berkekuatan serta mampu membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan”. Macmillan English Dictionary (2007: 434) pula mentakrifkan “dinamik” sebagai “*1 very lively and enthusiastic, with a lot of energy and determination: 2 continuously changing, growing or developing*”. Seterusnya Chambers Concise Dictionary (2004: 361) mentakrifkan “dinamik” sebagai “*1a. a movement or change in any sphere*”. Seterusnya, menurut Collins Cobuild Advanced Dictionary (2009: 483), “dinamik” ialah “*1 Adj If you describe someone as **dynamic**, you approve of them because they are full new and exciting ideas [APPROVAL] 2 If you describe something as **dynamic**, you approve of it because it is very active and energetic [APPROVAL] 3 a **dynamic process** is one that constantly change and progress*”. Seterusnya, Concise Oxford English Dictionary (2006: 447) mentakrifkan “dinamik” sebagai “*1 (of a process or system) characterized by constant change or activity & (of a person) full of energy and new ideas*”. Seterusnya, Cambridge International Dictionary of English (2001: 434) memberikan takrifan “dinamik” sebagai “*adj having a lot of ideas and enthusiasm; energetic and forceful*”. Akhir sekali, istilah “dinamik” dalam Merriam Webster’s Collegiate Dictionary (1996: 389) pula ditakrifkan sebagai “*2 a pattern or process of change, growth, or activity (population)*”. Berdasarkan takrifan-takrifan ini, dapatlah dijelaskan bahawa istilah “dinamika” yang digunakan dalam konteks kajian ini sebagai suatu bentuk perubahan yang bersepada dan berterusan, mempunyai tujuan kebaikan dan kemajuan, dan dapat disesuaikan dengan perubahan-perubahan apabila dikehendaki berbuat begitu.

1.6.2. Tema

Kamus Dewan (2007: 1638) mentakrifkan “tema” sebagai “subjek yang menjadi dasar sesuatu pembicaraan, wacana, karangan, cerita, tajuk, pokok”. Dengan takrifan ini, istilah “tema” dalam konteks dunia sastera dapat dijelaskan sebagai subjek yang mengawal sesebuah karya sastera dan penting untuk mempengaruhi perbincangan tentang perutusan yang ingin disampaikan oleh sasterawan. Selain itu, perbincangan tentang penggunaan “tema” dalam kajian ini dipanjangkan lagi dengan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh para sarjana. Antaranya, Darwis Harahap (1982: 20 – 21) yang menjelaskan “tema” sebagai nilai moral atau dasar cerita yang dipegang oleh sasterawan sebelum dan semasa proses penukaran karya sastera berlaku. Kedudukan ini dengan sendirinya menegaskan bahawa sasterawan telah menetapkan sesuatu idea atau gagasan yang mewajarkan sikap dan pemikirannya terhadap sesuatu isu atau persoalan. Dengan kata lain, karya sastera menjadi wadah kepada sasterawan untuk berkomunikasi dengan khalayak dalam bentuk yang kreatif, kritis dan imaginatif. Seterusnya, seorang penggiat sastera Barat iaitu Shaw (1972: 378) menganggap “tema” sebagai pusat atau pesanan dalam cerita, yang dijelaskannya sebagai: “(1) *The central and dominating idea in a literary work...* (3) *the message or moral implicit in any work of art*”. Seterusnya, seorang lagi penggiat sastera Barat iaitu Perrine (1988: 90 – 91) menjelaskan pula “tema” sebagai: “...its [merujuk kepada tema dalam novel] *controlling idea or its central insight. It is the unifying generalization about life stated or implied in the story.*” Dalam hal ini, Perrine menegaskan bahawa “tema” ialah aspek yang mengawal idea atau menjadi pusat penelitian bagi sesebuah cerita. Selain itu, “tema” dianggap berkait rapat dengan keperihalan manusia yang digarap dengan menggunakan pelbagai teknik penulisan. Seterusnya, Othman Puteh (2001: 21 – 23) pula mengungkapkan “tema” sebagai gagasan, idea atau pemikiran yang dicetuskan dalam cerita, seperti yang dijelaskannya sebagai:

Sesungguhnya, ada sesuatu yang terlindung dalam ceritanya, ada sesuatu konsep utama yang dikembangkan lewat ceritanya. Itulah yang dikatakan sebagai gagasan tadi. Gagasan, atau idea atau pemikiran atau pilihan utama yang menjadi dasar dalam suatu karya sastera itu, dikenali sebagai tema (Othman Puteh, 2001: 21 – 23).

Perbincangan ini berpendapat bahawa istilah “tema” kerap dikaitkan dengan subjek dan motif. Antaranya, seorang penggiat sastera Barat iaitu Fowler (1978: 195 – 195) menjelaskan “tema” sebagai subjek dalam sesebuah karya. Akan tetapi, pada masa yang sama sesuatu subjek itu tidak semestinya menjadi “tema”. Dalam hal ini, subjek dikatakan hanya berpotensi menjadi “tema” apabila kerap ditimbulkan dalam sesebuah karya sebagai peristiwa, imej atau simbol yang difahami oleh khalayak. Pandangan Fowler ini dianggap senada dengan pandangan Mohammad A. Quayum dan Rosli Talif (2000: 321) yang menegaskan “tema” sebagai:

The theme of a literary work may be stated directly, but more often it emerges indirectly through the recurrence of motifs, imagery and so forth. Themes are different from subject that matter in that, while subject matter is something concrete at the centre of the work, themes tend to be abstract and philosophical’ (Mohammad A. Quayum & Rosli Talif, 2000: 321).

Dengan kata lain, Mohammad A. Quayum dan Rosli Talif menganggap bahawa “tema” juga boleh ditanggapi melalui falsafah dan pemikiran yang terdapat dalam karya sastera.

Seterusnya, Perrine (1988: 90 – 91) juga menjelaskan bahawa sesetengah karya tidak mempunyai “tema” yang nyata. Sebaliknya, “tema” dapat dikenal pasti melalui motif dan tujuan karya sastera dinukilkan, seperti yang dijelaskannya sebagai:

Not all stories have theme... Theme exists only (1) when an author has seriously attempted to record life accurately or to reveal some truth about it or (2) when an author has deliberately introduced as a unifying element some concept or theory of life that the story illustrates (Perrine, 1988: 90 – 91).

Dengan kata lain, Laurence Perrine berpendapat bahawa pemilihan dan garapan tema dalam sesebuah karya sastera masih berkait rapat dengan tujuan atau kehidupan pengkaryanya (iaitu sasterawan).

Merujuk kepada aspek “tema” dalam novel remaja, Abdul Ahmad (1991: 10 – 13) menegaskan bahawa novel remaja Malaysia mengemukakan ciri dan nilai “rasa milik” dunia remaja. Ciri dan nilai ini dimanfaatkan untuk menggarap isu dan persoalan remaja pada tahap kebolehan dan pengetahuannya, guna membentuk “tema” yang dipilih dan ditentukan oleh novelis. Dengan merujuk kepada perkembangan novel remaja Malaysia, Abdul Ahmad menyifatkan genre ini sebagai ekstensi daripada tradisi naratif sastera rakyat yang diwarisi oleh orang Melayu sejak turun-temurun. Menurutnya, dalam tradisi ini, karya sastera memancarkan *world view* (pandangan alam) Melayu yang holistik dan berteraskan pembangunan insaniah, yang tidak memisahkan manusia daripada masyarakat dan alam semula jadi. Pandangan alam Melayu dikatakan dapat ditemui dalam beberapa genre sastera tradisional, seperti pantun, syair, gurindam dan seloka. Hal yang sama juga dianggap terjadi dalam novel remaja Malaysia yang menerapkan hal-hal yang sama agar khalayak mendapat panduan dan teladan yang sewajarnya. Seterusnya, dalam konteks yang sama, Othman Puteh (1989a: 44) berpendapat “tema” dalam novel remaja Malaysia berfungsi sebagai alat pendidikan dan hiburan. Melalui dua fungsi ini, novel remaja Malaysia mengajukan nilai-nilai positif, menanamkan perasaan cinta akan negara dan memupuk sikap gemar membaca dalam kalangan khalayak remaja. Menurutnya, “tema-tema” ini digarap dengan menggembangkan aspek plot, watak dan perwatakan, latar, sudut pandangan, gaya bahasa dan nilai dan pengajaran. Menurut Othman Puteh (1999: 24 - 25) lagi, novelis turut mengemukakan beberapa persoalan bagi melengkapkan garapan “tema” yang dipilihnya.

Sehubungan dengan pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan dalam subjudul ini, kajian ini mengusulkan takrifan “tema” yang akan digunakan sepanjang kajian ini, iaitu sebagai subjek yang menjadi dasar atau pusat cerita, yang dibangunkan melalui penggembangan alat-alat penceritaan seperti watak dan perwatakan, latar masa, tempat dan masyarakat, gaya bahasa, sudut pandangan dan sebagainya. Melalui penggembangan aspek-aspek inilah, tema yang terdapat dalam novel dibangunkan dalam sesebuah cerita. Sehubungan itu, dalam usaha untuk mengenal

pasti tema, kajian ini akan menganalisis pengembangan alat-alat penceritaan dalam novel-novel remaja Malaysia yang dikaji.

1.6.3 “Novel”, “Remaja” dan “Novel Remaja”

1.6.3.1 “Novel”

Pada amnya, “novel” dapat dikenal pasti sebagai sebuah buku yang mengandungi cerita benar (*true*) tentang manusia dan masyarakat dalam bab-bab yang saling melengkapi (Boulton, 1975: 5). “Novel” lazimnya dinukilkan sebagai sebuah prosa naratif yang digarap secara kritis, kreatif dan imaginatif, dan diperkuuhkan dengan penguasaan novelis terhadap tema, isu dan persoalan, plot, watak dan perwatakan, latar, sudut pandangan, gaya bahasa dan nilai dan pengajaran (Whiteley: 2002: 30). “Novel” boleh menggarap cerita-cerita tentang kekeluargaan dan kemasyarakatan, kerohanian, sejarah, fiksyen sains, fantasi, futuristik, seram dan sebagainya (Kitchen, 1981: 38 – 45). Struktur “novel” yang lumrah terdiri daripada permulaan, pengembangan, konflik, puncak dan peleraian (Heffron, 2003: 141). Apabila memasuki pasaran, “novel” dikemukakan dengan butir-butir yang khusus seperti tajuk, nama novelis, hakcipta, tahun diterbitkan, bandar dan nama penerbit yang berdaftar dengan kerajaan, serta memiliki daftar International Serial Book Number (ISBN) (Whiteley: 2002: 258 – 260).

Dari segi sejarahnya, Hawthorn (1985: 7) mengaitkan kelahiran “novel” sebagai suatu genre sastera yang baharu, seiring dengan kemajuan yang dicapai oleh manusia selepas Revolusi Perindustrian di Eropah pada abad ke-18. Menurutnya, tiga faktor yang merangsang perkembangan novel ialah pertambahan ahli masyarakat celik huruf, perkembangan pasaran ekonomi dan kemajuan bidang percetakan. Dalam konteks Malaysia, menurut A. Wahab Ali (2004: 111), “novel” mula muncul di Nusantara pada sekitar akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, yang menjadi kesan daripada penjajahan Inggeris dan Belanda di rantau ini. Menurutnya, dua faktor yang mempengaruhi perkembangan “novel” ialah kemudahan percetakan dan pengenalan aliran pendidikan sekular oleh pihak penjajah. Menurutnya lagi, secara khusus di Malaysia, istilah “novel” kali pertama digunakan pada tahun-tahun 1940-an oleh Za’ba dalam rencananya yang bertajuk *Modern Development*.

Perkataan “novel” berasal dari Latin dan dikaitkan dengan perkataan Itali yang bermaksud “suatu perkara baharu yang kecil”. Sungguhpun panjang novel tidak ditentukan secara mutlak, akan tetapi Forster (1979: 3), seorang pengkritik sastera yang terkenal di Barat berpendapat bahawa novel mengandungi tidak kurang daripada 50,000 patah perkataan. Hawthorn (1985: 3) tidak memberikan sebarang anggaran angka yang tetap bagi “novel”, tetapi merumuskan bilangan perkataan perlu sesuai dengan keperluan novelis mencanai isu dan persoalan dalam novelnya. Sementara itu, novel yang agak pendek dipanggil “novella” (Scannel, 1984: 16 – 17). Plot “novella” dikatakan lebih panjang dan mempunyai bilangan perkataan yang lebih banyak daripada cerpen (cerita pendek). Shipley (1970: 215) dan Baldick (1991: 151 – 152) pula memberi takrifan “novel” sebagai sebuah karya prosa naratif yang panjang. Mohammad A. Quayum dan Rosli Talif (2000: 229) seterusnya meluaskan takrifan “novel” sebagai sebuah karya prosa naratif yang menggunakan plot, latar dan sudut pandangan untuk menerangkan cerita. Manakala Rahman Shaari (2001: 56) pula menekankan bahawa aspek-aspek yang sama iaitu watak dan perwatakan, plot, latar dan sudut pandangan digunakan untuk membikin konflik

dalam “novel”. S. Othman Kelantan (1987: 16) pula menjelaskan bahawa “novel” ialah rakaman kehidupan manusia yang diperkatakan dalam bahasa yang kreatif.

Sehubungan dengan pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan dalam subjudul ini, kajian ini mengusulkan istilah “novel” yang akan digunakan sepanjang kajian ini sebagai sebuah karya sastera berbentuk prosa yang digarap melalui pengembangan aspek-aspek sastera iaitu tema, plot, watak dan perwatakan, latar, sudut pandangan, gaya bahasa dan nilai dan pengajaran. Melalui pengembangan aspek-aspek sastera inilah, novel digarap secara kreatif, kritis dan imaginatif oleh novelisnya untuk mengungkapkan berbagai-bagai isu dan persoalan yang berlebar dalam kehidupan manusia pada sesuatu tempat dan masa. Novel-novel ini juga boleh hadir sebagai cerita tentang kekeluargaan dan kemasyarakatan, kerohanian, sejarah, fiksyen sains, fantasi, futuristik, seram dan sebagainya.

1.6.3.2 “Remaja”

Seterusnya, perbincangan ini beralih kepada takrifan istilah “remaja”. Istilah “remaja” (*adolescent*) dikatakan berasal daripada perkataan Latin “*adolescere*” yang bermakna “meningkat ke alam dewasa” (Rice & Dolgin, 2008: 1). Berhubung dengan kedudukannya (“remaja”) dalam masyarakat, Goosen (2006a: 1 – 3) menjelaskan bahawa “remaja” ialah suatu fasa transisi yang berlaku antara dunia kanak-kanak ke dunia dewasa. Fasa ini dikatakan bermula setelah seseorang manusia baligh (*puberty*) dan berakhir apabila dia bersedia menghadapi cabaran alam dewasa. Seterusnya, Santrock (2008: 16 – 17) menjelaskan bahawa fasa transisi ini melibatkan perubahan biologi, kognitif dan sosio-emosi. Seterusnya, Steinberg (2005: 5 – 6) pula menyenaraikan sembilan bentuk perubahan pada fasa transisi ini iaitu biologi (*biology*), emosi (*emotional*), kognitif (*cognitive*), interpersonal (*interpersonal*), sosial (*social*), pendidikan (*educational*), perundangan (*legal*), kronologi (*chronological*) dan kebudayaan (*cultural*). Seterusnya, Butcher dan Manning (2006: 2 – 4) pula menjelaskan bahawa fasa transisi ini lebih cepat berlaku ke atas seseorang manusia melalui pergaulannya dengan kawan-kawan sebaya dan perubahan-perubahan yang berlaku di persekitarannya. Manakala, Lloyd (1985: 3) pula berpendapat bahawa fasa transisi inilah, golongan remaja berusaha membuang imej kanak-kanak pada diri mereka dan kemudian memperagakan aksi dan tingkah laku yang imej orang dewasa. Ini bererti, seseorang remaja akan memaparkan reaksi yang kurang menyenangkan apabila dia diperlakukan seperti kanak-kanak, dan sebaliknya memaparkan reaksi yang menyenangkan apabila berpendapat dia dihargai seperti orang dewasa.

Seterusnya, Ramli Hassan (1990: 209 – 210) menganggap bahawa fasa transisi ini sebagai suatu masa bagi golongan remaja untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan ini dan bersedia bagi menghadapi dunia dewasa. Ini antaranya, melibatkan pembentukan identiti, pengurangan pergantungan pada keluarga, keupayaan berfikir secara abstrak dan keupayaan memahami hubungan heteroseksual kesan daripada perubahan hormon pada awal remaja. Seterusnya, Noraini Ahmad (1982: 9 – 12) menjelaskan bahawa pada fasa transisi ini, golongan remaja mula memperagakan ciri-ciri kelakian atau keperempuanan masing-masing, cenderung menikmati kebebasan daripada kawalan ibu bapa dan penjaga, berusaha mendekati kawan-kawan sebaya dan ingin mengenali pasangan hidup. Pada fasa transisi ini juga, mereka dikatakan mula menerima perkara-perkara yang abstrak dan menolak

perkara-perkara yang dianggap tidak logik. Seterusnya, Mohd. Salleh Lebar (1991: 54 – 55) menjelaskan bahawa pada fasa transisi ini, golongan remaja mengalami perubahan fizikal (psikomotor), mental, emosi, sosial, moral dan bahasa.

Selanjutnya, ditinjau dari aspek usia pula, kajian ini mendapati bahawa “remaja” selalu dikaitkan dengan ahli-ahli masyarakat yang berusia dari awal belasan tahun hingga ke awal dua puluhan. Dalam hal ini, Steinberg (2005: 7), Goosen (2006a: 1 – 2) dan Santrock (2008: 16 – 17) rata-rata mengelaskan golongan remaja berusia awal belasan tahun sebagai “remaja awal” (*early adolescence*), golongan remaja berusia pertengahan belasan tahun sebagai “remaja pertengahan” (*middle adolescence*) dan golongan remaja berusia akhir belasan tahun dan awal dua puluhan sebagai “remaja akhir” (*late adolescence*). Goosen seterusnya menjelaskan lagi bahawa batasan usia bagi “remaja akhir” boleh menjangkau sehingga usia 25 tahun, iaitu bergantung pada keupayaannya mengatasikekangan-kekangan hidup. Ini bererti, seseorang remaja yang tidak menghadapi banyak masalah dalam kehidupannya berupaya menikmati masa remaja yang lebih panjang.

Lanjutan itu, Coleman (2001: 2) menjelaskan bahawa pada fasa transisi yang dilaluinya, seseorang remaja mendapat ruang untuk mengembangkan berbagai-bagai kemahiran baharu dalam kehidupannya, yang didapati lebih kompleks dan mencabar berbanding zaman kanak-kanaknya. Dalam hal ini, Coleman berpendapat bahawa fasa transisi ini mencapai kemuncaknya apabila remaja itu dapat bergantung kepada dirinya sendiri, iaitu suatu fasa baru yang dikenali sebagai “autonomi” (*autonomy*). Merujuk kepada perkara yang sama, Goosen (2006b: 135 – 136) menjelaskan bahawa terdapat tiga bentuk “autonomi” yang lumrahnya ingin dicapai oleh seseorang remaja pada fasa transisi iaitu “autonomi sikap” (*behavioral autonomy*), “autonomi emosi” (*emotional autonomy*) dan “autonomi nilai” (*value autonomy*). Autonomi sikap ialah kebebasan untuk memaparkan sikap dan membuat keputusan tentang sebarang persoalan hidupnya. Autonomi emosi pula ialah kebebasan untuk memperagakan emosi berhubung sebarang persoalan hidupnya tanpa dibelenggu pengaruh ibu bapa atau penjaga yang dominan. Akhir sekali, autonomi nilai pula ialah kebebasan untuk membentuk dan memutuskan sendiri nilai dan moral yang ingin diperagakannya kepada masyarakat.

Sehubungan itu, dalam fasa transisi ini juga, “remaja” selalu dianggap sebagai suatu golongan yang mengalami krisis identiti. Menurut Steinberg (2005: 281 – 284) dan Buss (1995: 214), golongan remaja dapat memupuk dan membentuk identiti melalui kesilapan-kesilapan yang mereka lakukan dan berusaha sendiri melakukan perubahan seperti yang dikehendaki oleh masyarakat. Merujuk kepada perkara yang sama, Carver dan Scheir (1996: 308) menjelaskan bahawa golongan remaja memupuk dan membentuk identiti melalui dua kaedah. Kaedah yang pertama ialah dengan menyatukan dan menyesuaikan pengalaman-pengalaman pada zaman kanak-kanak dengan pengalaman-pengalaman pada zaman remaja mereka. Kaedah yang kedua pula ialah dengan menyesuaikan diri dengan mengenali masyarakat, norma-norma kehidupan, ras, adat resam, kebudayaan dan sebagainya. Lanjutan itu, Alsaker dan Kroger (2006: 9 – 17) pula menjelaskan bahawa golongan remaja memupuk dan membentuk konsep kendiri (*self-concept*), penghargaan diri (*self-esteem*) dan identiti (*identity*) secara bersepada. Dalam hal ini, konsep kendiri adalah merujuk kepada ciri-ciri peribadi, pendirian, sikap, perilaku dan perasaan seseorang remaja terhadap dirinya sendiri. Penghargaan kendiri adalah merujuk kepada sikap dan apresiasi

seseorang remaja terhadap pencapaianannya sendiri dalam sesuatu bidang yang diceburinya. Manakala, identiti pula adalah merujuk kepada kecenderungan remaja mengenai pasti kedudukannya dalam masyarakatnya.

Sehubungan dengan pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan dalam subjudul ini, kajian ini mengusulkan istilah “remaja” yang akan digunakan sepanjang kajian ini sebagai ahli-ahli masyarakat yang berusia dari awal belasan tahun hingga akhir belasan tahun dan awal dua puluhan yang sedang mengalami perubahan biologi, fizikal, kognitif, emosi, sosio-emosi, psiko-sosial, moral dan bahasa. Selain itu, golongan remaja terdiri daripada ahli-ahli masyarakat yang berusaha mengenal pasti, memupuk dan membentuk identiti, sikap kendiri dan penghargaan kendiri. Seterusnya, golongan remaja juga terdiri daripada ahli-ahli masyarakat yang akan mendapat autonomi daripada ibu bapa dan penjaga masing-masing melalui pergaulan dan penglibatan yang berterusan dengan kawan-kawan sebaya dan ahli-ahli masyarakat yang dipilihnya.

1.6.3.3 “Novel Remaja”

Berdasarkan pemahaman tentang takrifan “novel” dan “remaja”, perbincangan ini seterusnya akan melakarkan pemahaman tentang “novel remaja” yang diguna pakai sebagai definisi kerja bagi kajian ini. Sehubungan itu, “novel remaja” dianggap mengguna pakai ciri-ciri umum penukilan dan penerbitan sesebuah novel, tetapi lebih khusus dan mencakupi keperihalan remaja dan aspirasi kehidupannya. Berhubung dengan perkara ini, dapat dikatakan bahawa rata-rata penggiat sastera remaja dalam dan luar negara rata-rata menganggap bahawa penukilan dan penerbitan novel remaja bergantung kepada pemahaman novelis dan penerbit tentang batasan usia remaja. Antaranya, dua orang penggiat sastera remaja di Barat iaitu Donelson dan Nilson (2005: 1) yang menjelaskan bahawa “novel remaja” berkisar tentang kehidupan watak-watak berusia antara 12 hingga 18 tahun. Batasan usia ini dianggap mewakili dunia remaja yang lumrah. Dengan itu, karya-karya sastera yang menampilkan watak-watak dari usia tadika dan di bawah usia minimum bagi remaja yang ditetapkan tergolong sebagai “novel kanak-kanak”. Seterusnya, dua orang lagi penggiat sastera remaja di Barat iaitu Tomlinson dan Lynch-Brown (2007: 4) yang menjelaskan bahawa “novel remaja” berkisar tentang kehidupan watak-watak berusia antara 11 hingga 18 tahun. Dengan menghadirkan watak-watak dalam batasan usia yang sedemikian, novel-novel ini kemudian dikenali sebagai “novel remaja” (*young adult literature*) di pasaran. Seterusnya, seorang lagi penggiat sastera remaja di Barat iaitu Alsup (2010: 1) yang menjelaskan bahawa “novel remaja” mengisahkan tentang kehidupan watak-watak berusia antara 12 hingga 20 tahun. Menurutnya, dengan mengguna pakai batasan usia ini, “novel remaja” mudah dikenal pasti oleh khalayak dan dapat digunakan sebagai alat bantu mengajar di sekolah. Ini kerana aspirasi watak-watak dalam karya sastera dianggap mendekati aspirasi murid-murid yang menekuninya (novel-novel itu) di dalam kelas. Dengan kata lain, “novel remaja” dianggap berfungsi sebagai wadah pendidikan. Seterusnya, Hanley (2012: 5), juga seorang penggiat sastera remaja di Barat pula menjelaskan bahawa batasan usia remaja dalam “novel remaja” dapat digambarkan dengan jelas melalui kreativiti novelis menonjolkan protagonisnya (iaitu watak yang menggerakkan plot). Menurutnya, dengan meletakkan watak protagonis sebagai seorang remaja yang berusia antara 12 hingga 20 tahun, novelis dapat menghadirkan suasana dan aspirasi remaja dalam novel berkenaan.

Seterusnya, perbincangan tentang “novel remaja” tidak dapat meminggirkan soal ciri-cirinya, yang dianggap tidak mempunyai perbezaan yang ketara dengan ciri-ciri novel dewasa. Dalam hal ini, Herz dan Gallo (1996: 8) berpendapat bahawa novel remaja mempunyai ciri-ciri yang lazim ditemui dalam novel dewasa, iaitu sudut pandangan yang tekal, plot yang mudah tetapi seragam dengan kebolehan dan pengetahuan remaja, watak dan perwatakan yang jelas, dialog yang realistik dan bermaya dan gaya yang menarik. Selain itu, “novel remaja” dianggap memperagakan lapan ciri yang khusus. Pertama, watak utama ialah seorang remaja. Kedua, peristiwa dan permasalahan dalam plot menyentuh tentang isu-isu remaja. Ketiga, watak utama menjadi tumpuan plot. Keempat, dialog ialah refleksi pertuturan remaja (termasuk bahasa slanga). Kelima, sudut pandangan yang digunakan mewakili tafsiran golongan remaja terhadap manusia dan isu-isu di sekeliling mereka. Keenam, watak remaja selalu sensitif, bijak, matang dan berdikari. Ketujuh, panjang novel ialah dalam lingkungan 200 halaman. Dan kelapan, tindakan dan keputusan watak utama mencetuskan konflik.

Seterusnya, Stephens (2007: 34 – 43) menjelaskan bahawa “novel remaja” lazimnya merujuk kepada sebuah karya sastera yang menyerlahkan keberdayaan golongan remaja dalam menerokai isu-isu yang berlaku dalam dunia dewasa yang akan mereka tempuh. Pada masa yang sama, golongan remaja dianggap cenderung untuk menyatakan pendapat dan pandangan mereka terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam karya sastera, dengan berdasarkan pengetahuan dan kebolehan mereka sebagai remaja. Menurutnya, “novel remaja” dapat dinukilkkan dengan bersandarkan lima ciri. Pertama, “novel remaja” menceritakan tentang dunia remaja. Kedua, “novel remaja” menyerlahkan pendapat dan pandangan remaja terhadap kehidupannya. Ketiga, “novel remaja” memperagakan identiti remaja. Keempat, “novel remaja” menjelaskan keberdayaan golongan remaja dalam menerokai dan menangani isu-isu yang melibatkan golongan dewasa. Dan kelima, penggunaan aspek-aspek sastera dalam “novel remaja” adalah secara menyeluruh seperti yang digunakan dalam novel dewasa.

Seterusnya, perbincangan tentang ciri-ciri “novel remaja” turut dikemukakan oleh Donelson dan Nilsen (2005: 28 – 38), yang menegaskan bahawa sesbuah “novel remaja” yang baik digarap dengan mempertimbangkan tujuh ciri yang khusus. Pertama, “novel remaja” dinukilkkan dengan berdasarkan sudut pandangan remaja. Kedua, “novel remaja” menzahirkan penghargaan terhadap nilai-nilai baik yang ditonjolkan oleh golongan remaja dalam masyarakatnya. Ketiga, “novel remaja” berkisar tentang isu dan persoalan semasa golongan remaja. Keempat, “novel remaja” mencakupi pelbagai genre dan subjek. Kelima, watak-watak dalam “novel remaja” hadir daripada pelbagai latar belakang. Keenam, “novel remaja” menzahirkan sikap optimistik golongan remaja terhadap kehidupannya. Dan ketujuh, “novel remaja” mengutamakan emosi dan sensitiviti golongan remaja terhadap isu-isu yang sedang mereka hadapi dan tangani.

Selain pandangan-pandangan umum yang menegaskan bahawa “novel remaja” adalah berkisar tentang aspirasi dan dunia remaja, Roxburgh (2005: 4 – 10) berpendapat bahawa “novel remaja” tidak semestinya membariskan remaja sebagai watak-watak protagonisnya. Dalam hal ini, Roxburgh menegaskan bahawa beberapa buah novel seperti *Catcher in the Rye* (1951) karya J. D. Salinger, *A Portrait of the*

Artist as A Young Man (1916) karya James Joyce dan *Robinson Crusoe* (1719) karya Daniel Defoe pada asalnya tidak dianggap sebagai “novel remaja”. Akan tetapi, novel-novel ini menarik khalayak remaja kerana ceritanya yang disampaikan melalui penggunaan “sudut pandangan remaja” (*the point-of view of an adolescent*) dan ditinjau dari “perspektif seorang remaja” (*a young adult's perspective*) (iaitu istilah-istilah Roxburgh sendiri). Menurutnya lagi, sungguhpun novel-novel ini mengemukakan tema dan watak yang akrab dengan dunia dewasa, akan tetapi kecenderungan novelis-novelisnya yang memanfaatkan “sudut pandangan remaja” dan “perspektif seorang remaja”, menyebabkan karya-karya ini dianggap sebagai sebahagian daripada genre “novel remaja”.

Seterusnya, dalam konteks Malaysia, Othman Puteh (1989a: 45) yang dikenali sebagai seorang novelis dan penggiat sastera remaja, menjelaskan bahawa golongan remaja dapat dibahagikan kepada kepada tiga batasan usia. Batasan usia pertama dikenali sebagai “remaja awal” bagi merujuk golongan remaja berusia antara 12 hingga 15 tahun. Batasan usia kedua dikenali sebagai “remaja pertengahan” bagi merujuk golongan remaja berusia 16 hingga 18 tahun. Manakala, batasan usia ketiga pula dikenali sebagai ‘remaja akhir’ bagi merujuk golongan remaja berusia antara 18 hingga 20 tahun. Akan tetapi, Othman Puteh (1991: 5 – 9) seterusnya menegaskan bahawa batasan-batasan usia ini tidak sama bagi kumpulan-kumpulan masyarakat yang berbeza. Menurutnya, batasan-batasan usia ini boleh berubah-ubah mengikut latar dan struktur sosial, ekonomi dan politik yang ditentukan dan ditetapkan oleh novelis. Antaranya, Othman Puteh menjelaskan lagi bahawa masa remaja bagi golongan remaja yang menikmati kehidupan yang senang-lenang, adalah lebih panjang daripada masa remaja bagi golongan remaja yang mengharungi kehidupan yang sukar. Ini kerana golongan remaja yang hidup senang mempunyai ruang masa yang lebih selesa dan santai untuk mengatur masa depannya dengan sebaik-baiknya. Malah, masa remaja bagi golongan ini boleh menjangkau sehingga ke peringkat pendidikan tinggi. Sebaliknya, golongan remaja yang menjalani kehidupan yang sukar dianggap memikul tanggungjawab orang dewasa dan beransur-ansur kehilangan masa remajanya. Sehubungan itu, Abdul Ahmad (1991: 10), seorang novelis, penggiat sastera remaja dan editor buku di DBP, mencadangkan usia antara 13 hingga 20 tahun sebagai batasan usia yang perlu dipatuhi secara rigid dalam penulisan dan penerbitan novel remaja. Penetapan batasan usia ini dikatakan akan membolehkan penulisan dan penerbitan novel remaja menjadi lebih terarah dan terpisah daripada novel kanak-kanak. Kepentingan memahami batasan usia yang dijelaskannya seperti dalam petikan berikut: “Apabila tidak terdapat pembatasan daripada segi daerah usia, maka terjadilah kekeliruan dan pencampuradukkan; dan, justeru itu sastera remaja sering saja diseukutukan dengan sastera kanak-kanak” (Abdul Ahmad, 1991: 10). Seterusnya, Abdul Ahmad (1998: 12) menegaskan bahawa selain memahami kepentingan batasan usia dalam penulisan “novel remaja”, seseorang novelis juga sewajarnya memberi penekanan terhadap dalam zaman remaja, penerapan nilai-nilai murni, unsur ilmu dalam karya dan aspirasi dalam pengkaryaan (iaitu garapan tema dan plot dan pemilihan laras bahasa dan kosakata dalam karya). Ini dijelaskan oleh Abdul Ahmad sebagai:

Dalam menanggapi konsep dan falsafah sastera [yang merujuk kepada novel remaja] ini, sebenarnya terdapat sekurang-kurangnya empat aspek yang diberikan penekanan dan jelas dijadikan sebagai pegangan dan keyakinan, ... terutamanya di kalangan pengarang

remaja, iaitu zaman remaja, penerapan nilai-nilai murni sebagai teras pengkaryaan, unsur ilmu dalam pengkaryaan, dan aspirasi dalam pengkaryaan (Abdul Ahmad, 1998: 12).

Melalui kedua-dua tulisannya, adalah jelas Abdul Ahmad menekankan tentang pentingnya seseorang novelis mengetahui dan memahami dunia remaja sebelum menukilkan sesebuah novel remaja, guna memberi kesan yang bermakna kepada khalayak.

Dalam konteks Malaysia juga, Ali Majod (dalam Talib Samat, 1992: 160 – 161), iaitu seorang penggiat sastera remaja di Malaysia, yang pernah menerajui Unit Buku Remaja DBP, menegaskan bahawa “novel remaja” dinukilkan dengan kecenderungan novelis dalam menyerlahkan misi dan visi remaja seperti yang ditemui dalam kehidupan sebenar. Untuk menjelaskan pandangannya ini, Ali Majod menyenaraikan tiga belas ciri “novel remaja” yang perlu diketahui oleh seseorang novelis. Pertama, “novel remaja” merakamkan permasalahan remaja sehari-hari di rumah, di sekolah, atau mana-mana dalam lingkungan masyarakatnya. Kedua, “novel remaja” mengutarakan tanggapan dan pandangan remaja terhadap permasalahan masyarakat dan kaedah remaja menghadapinya. Ketiga, “novel remaja” menyerlahkan soal-soal masyarakat yang dilihat dari kaca mata remaja sendiri. Keempat, “novel remaja” merakamkan kehidupan remaja yang telus dan luhur dalam masyarakat tanpa ikatan pemikiran politik kepartian dan prejudis. Kelima, “novel remaja” menggambarkan idealisme, cita-cita dan tujuan hidup remaja. Keenam, “novel remaja” menggambarkan kehidupan dan masalah remaja dalam kelompoknya. Ketujuh, “novel remaja” menggambarkan pemasalahan remaja dari kaca mata orang dewasa. Kelapan, “novel remaja” menggambarkan jurang generasi. Kesembilan, “novel remaja” menggambarkan pegangan dan tanggapan remaja terhadap isu-isu agama, budaya dan alam sekitar. Kesepuluh, “novel remaja” menggambarkan fantasi dan ramalan masa depan remaja. Kesebelas, “novel remaja” menggunakan bahasa yang lincah, segar dan mengandungi suasana atau *mood* keremajaan. Kedua belas, “novel remaja” menggambarkan psikologi remaja. Dan ketiga belas, “novel remaja” menggunakan watak remaja sebagai watak utama atau watak sampingan.

Sehubungan dengan pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan dalam subjudul ini, kajian ini mengguna pakai takrifan ‘novel remaja’ sebagai sebuah karya sastera yang kreatif, kritis dan imaginatif yang dinukilkan oleh novelisnya dengan tujuan yang khusus, iaitu untuk menggambarkan watak-watak protagonisnya dengan aspirasi remaja dalam dunia remaja masing-masing. Novel-novel ini berlegar dalam isu dan persoalan yang melibatkan golongan remaja, yang dianggap terbahagi kepada tiga batasan usia iaitu remaja awal, remaja pertengahan dan remaja akhir. Dengan itu, kajian ini akan menggunakan novel-novel remaja Malaysia yang mengemukakan watak-watak protagonis berusia antara 12 hingga 20 tahun, iaitu suatu batasan usia yang lumrah ditemui dalam kebanyakan karya sastera remaja di Malaysia.

1.7 Kriteria Pemilihan Bahan dan Batasan Kajian

Sebagaimana yang telah dibangkitkan dalam Permasalahan Kajian, salah satu daripada hasrat yang mendasari kajian ini ialah untuk menawarkan satu kajian yang komprehensif dengan meneliti novel-novel remaja sepanjang beberapa dekad kemunculannya di Malaysia. Untuk itu, novel-novel pilihan yang digunakan sebagai

bahan kajian terdiri daripada novel-novel remaja Malaysia yang diterbitkan sepanjang enam dekad yang dinyatakan, iaitu sejak dari dekad 1950-an hingga 2000-an. Asas utama pemilihan bahan kajian ialah isi kandungan novel yang memenuhi ciri-ciri “novel remaja” seperti yang dibincangkan sebelum ini, iaitu sebuah karya sastera yang digarap secara kreatif, kreatif dan imaginatif untuk menggambarkan watak-watak protagonisnya dengan aspirasi remaja dalam dunia remaja masing-masing.

Sehubungan itu, dan seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, kajian ini memberi keutamaan terhadap novel-novel remaja Malaysia yang menggembangkan watak-watak remaja berusia antara 12 hingga 20 tahun. Akan tetapi, kajian ini juga mempertimbangkan watak-watak protagonis dalam sesebuah novel yang melebihi usia 20 tahun bergantung pada tahap pendidikan, latar masyarakat pada sesuatu dekad dan sebagainya, yang dianggap berpotensi memanjangkan usia remaja sesuatu watak dalam lingkaran masyarakatnya (seperti yang dikemukakan dalam novel). Selain itu, kajian ini juga mempertimbangkan beberapa buah novel-novel remaja Malaysia yang menggembangkan tema dan watak-watak dewasa, tetapi memanfaatkan “sudut pandangan remaja” (*the point-of-view of an adolescent*) dan “perspektif seorang remaja” (*a young adult's perspective*). Pertimbangan ini dianggap membuka ruang kepada novel-novel yang dinukilkan dan diterbitkan ketika “novel remaja” belum dikenal pasti sebagai suatu genre baharu dalam kesusastraan Melayu untuk dibincangkan dalam kajian ini.

Sehubungan itu, kajian ini menggariskan tiga kriteria pemilihan bahan kajian. Pertama, bahan-bahan kajian yang dipilih ialah novel-novel remaja Malaysia yang memenangi peraduan mengarang atau hadiah sastera sejak tahun 1953 hingga 2010. Kedua, bahan-bahan kajian yang dipilih ialah novel-novel remaja Malaysia yang dihasilkan oleh novelis-novelis yang dikenal pasti prolifik dan produktif berkarya dalam genre novel remaja. Novelis-novelis ini juga pernah meraih hadiah dan anugerah sastera. Dan akhir sekali, bahan-bahan kajian yang dipilih juga ialah novel-novel remaja Malaysia yang mendapat sambutan khalayak (*critical reception*).

Seterusnya, kajian ini mengenal pasti dan memilih sebanyak 30 buah novel remaja Malaysia sebagai bahan kajian. Bilangan ini dianggap mencukupi terutamanya dalam menawarkan satu pengamatan yang komprehensif sifatnya, iaitu satu kelebihan yang tidak ditampung oleh kajian-kajian terdahulu. Untuk itu, lima buah novel dipilih bagi mewakili setiap dekad, dan pemilihannya itu disandarkan kepada kriteria-kriteria yang telah dinyatakan di atas.

Kesemua 30 buah novel remaja Malaysia yang dikaji adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1. Selain tajuk novel, maklumat-maklumat lain yang dianggap penting bagi tujuan ini ialah nama novelis, penerbit, tahun diterbitkan dan kriteria pemilihannya sebagai bahan kajian.

Jadual 1. Novel-novel remaja Malaysia yang menjadi bahan kajian

	Tajuk novel	Nama novelis	Penerbit	Tahun	Kriteria Pemilihan
1	<i>Chinchin Rahsia</i>	Muhammad Hashim bin Amir Hamzah	Pejabat Karang Mengarang	1953	Pemenang peraduan
2	<i>Hidup Berjuang</i>	Mohamed Salehudin	Pejabat Karang Mengarang	1954	Sambutan khalayak
3	<i>Bahagia Sesudah Derita</i>	Md. Akhir bin Leman	DBP	1958	Pemenang peraduan
4	<i>Ahad</i>	Zakaria Salleh	DBP	1959	Pemenang peraduan
5	<i>Berempat Di Gunung Pondok</i>	Ismail Mohd.	Sinaran Bros	1959	Sambutan khalayak
6	<i>Di Bawah Alunan Ombak</i>	A. Rashid Ngah	DBP		Sambutan khalayak
7	<i>Aziman Anak Yatim</i>	Mohd. Aris Bahnan	Saudara Sinaran	1965	Sambutan khalayak
8	<i>Jasmin</i>	Darussalam	Sinaran Bros	1968	Sambutan khalayak
9	<i>Renongan Masa Muda</i>	Tajul Ariffin Darus	Saudara Sinaran	1965	Sambutan khalayak
10	<i>Bendera Merah Di Atas Bukit</i>	A. Samad Said	Pustaka Sari	1968	Novelis yang prolifik
11	<i>Anjing Polis</i>	Matlob	Pustaka Nasional	1971	Novelis yang prolifik
12	<i>Letupan Sabak Arang</i>	Othman Puteh	Pustaka Kamat	1976	Novelis yang prolifik
13	<i>Ayah Kurindu Ibu Kusayang</i>	Nazel Hashim Mohamad	DBP	1977	Sambutan khayalak
14	<i>Ibu Yang Kusayang</i>	Sharifah Hasnah Abdullah	DBP	1979	Pemenang peraduan
15	<i>Anak Warisan Zaman</i>	Hamdan Raja Abdullah	DBP	1979	Pemenang peraduan
16	<i>Terima Kasih Nudra Syafini</i>	Abdul Ahmad	DBP	1985	Sambutan khalayak
17	<i>Renda Sutera</i>	Norhisham Mustaffa	Marwillis Publisher	1990	Pemenang peraduan
18	<i>Songket Berbenang Emas</i>	Khairuddin Ayip	DBP	1991	Pemenang peraduan
19	<i>Seteguh Karang</i>	Tuan Faridah Syed Abdullah	DBP	1991	Pemenang peraduan
20	<i>Sindora</i>	Shamsiah Mohd. Nor	Creative Enterprise	1990	Novelis yang prolifik
21	<i>Budak Setan</i>	Ahadiat Akashah	Creative Enterprise	1991	Sambutan khalayak

22	<i>Semesra Kota Ku</i>	Zailiani Taslim	Utusan Publication	1993	Pemenang peraduan
23	<i>Gerhana Semusim</i>	Osman Ayob	Utusan Publication	1993	Peraduan peraduan
24	<i>Lautan Tak Selamanya Bergelombang</i>	Rejab F. I.	Utusan Publication	1993	Pemenang peraduan
25	<i>Wira Persona Avatari</i>	Ahmad Zaki bin Abu Bakar	Utusan Publicaton	2000	Pemenang peraduan
26	<i>Merenang Gelora</i>	Ruslan Ngah	Utusan Publication	2002	Pemenang peraduan
27	<i>Trilogi Cinta</i>	Siti Jasmina Ibrahim	Utusan Publication	2002	Pemenang peraduan
28	<i>Insyirah</i>	Azman Ahmad	DBP	2009	Pemenang peraduan
29	<i>Justeru Impian Di Jaring</i>	Zaid Akhtar	Utusan Publication	2007	Pemenang peraduan
30	<i>Impuls/Roh</i>	Sri Rahayu Mohd. Yusop	Utusan Publication	2011	Pemenang peraduan

1.8 Pembahagian Bab

Kajian ini secara keseluruhan mempunyai lima bab yang disusun mengikut tertib kepentingan, berkesinambungan dan saling melengkap. Sebagaimana yang telah dikemukakan, Bab 1 ini membincangkan tentang Pengenalan, Perkembangan Novel Remaja di Malaysia, Sorotan Literatur, Permasalahan Kajian, Kerangka Analisis, Definisi Konsep, Kriteria Pemilihan Bahan dan Pembahagian Bab. Dalam bab ini, Definisi Konsep dianggap dapat memberi pemahaman yang mendalam tentang takrifan istilah “tema”, “novel”, remaja” dan “novel remaja” yang diguna pakai secara tekal sepanjang kajian ini.

Seterusnya, Bab 2 membincangkan tentang Sosiologi Sastera yang digunakan sebagai pendekatan kajian. Perbincangan ini penting bagi menjelaskan kerangka pendekatan yang diguna pakai dalam menganalisis novel-novel remaja Malaysia yang menjadi bahan-bahan kajian. Untuk itu, kajian ini akan membincangkan gagasan sastera yang dikemukakan oleh beberapa tokoh iaitu Hippolyte Taine, Georg Lukacs, Lucien Goldmann dan Alan Swingewood. Daripada perbincangan-perbincangan ini, kajian ini berharap untuk menggariskan beberapa prinsip yang dapat dimanfaatkan sebagai pendekatan kajian.

Seterusnya, Bab 3 akan membincangkan tentang faktor-faktor luaran teks yang mempengaruhi tema novel remaja Malaysia, iaitu sejak tahun-tahun 1950-an hingga tahun-tahun 2000-an. Perbincangan ini penting untuk meningkatkan pemahaman tentang pengaruh-pengaruh dari luar teks yang berlaku ketika sebuah karya sastera dinukilkan. Perbincangan dalam bab ini akan berlebar tentang trend dan konvensi sastera yang dianggap berupaya mempengaruhi penukiran, penerbitan dan pemasaran novel remaja Malaysia. Perbincangan dalam bab ini diharap dapat memberikan gambaran yang jelas tentang faktor-faktor luaran teks yang mempengaruhi novelis ketika menggarap novel-novel remaja Malaysia yang dikaji itu.

Seterusnya, Bab 4 akan menganalisis tema-tema yang diutarakan dalam novel-novel remaja Malaysia yang dikaji. Perbincangan ini dilakukan mengikut tema yang lebih dominan dan dibahagikan kepada dua tahap. Tahap pertama ialah perbincangan tentang aspek luaran teks yang dianggap dapat mempengaruhi aspek dalaman teks. Pada tahap ini, perbincangan ini berkisar mengenai perkembangan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja, keberkesanan peraduan mengarang dan latihan dan galakan kepada novelis-novelis yang berkecimpung dalam sastera remaja yang dibangkitkan dalam Bab 3, seperti perkembangan pendidikan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik, peranan badan kerajaan dan bukan kerajaan, pengaruh dan gejala sosial dalam kalangan remaja, perkembangan penerbitan buku dan perkembangan bidang kesusasteraan Melayu yang dibangkitkan dalam Bab 4. Perbincangan ini mencakupi pemahaman tentang bagaimana aspek-aspek yang disenaraikan ini mempengaruhi pemilihan dan penentuan tema dalam novel-novel remaja Malaysia yang dikaji. Tahap pertama ialah aspek dalaman teks. Pada tahap ini, perbincangan ini berkisar mengenai bentuk teks terutamanya watak dan perwatakan, plot, latar, peristiwa, konflik dan sebagainya.

Akhir sekali, perbincangan dalam Bab 5 tertumpu kepada rumusan dan cadangan daripada kajian yang telah dijalankan. Selain itu, perbincangan ini juga berkait rapat dengan usaha untuk mencapai tiga objektif kajian. Kajian ini diharap dapat memberikan sumbangannya yang signifikan dalam memperkayakan dunia penyelidikan ilmiah dan kesarjanaan dalam bidang kesusasteraan Melayu, khususnya tentang novel remaja Malaysia.

RUJUKAN

- A. Ahmad Kadir. "Sains dan Sastera: Bagaimana Kedua-duanya Bergandingan". Ogos 1989: 10 – 11.
- A. Aziz Deraman. "Industri Buku Di Malaysia: Dari Mana Ke Mana", ucap utama dibentangkan dalam Konvensyen Penerbitan Kebangsaan di Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 4 – 6 Disember 1995. 1 – 15.
- A. F. Yassin. "Kita Masih Di Tahap Survival Ekonomi?". *Dewan Sastera*. September 1982: 22 – 23.
- A. F. Yassin. "Sastera Remaja Dengan Penerbit dan Duitnya". *Dewan Sastera*. Oktober 1989: 5 – 6.
- A. Ghafar Ibrahim. "Menggenerasikan Sastera Dalam Kalangan Pelajar". *Dewan Sastera*. Mei 2002: 24 – 26.
- A. Hamid Jemain. "Kepentingan Bahan Sastera dalam Pengajaran Bahasa Melayu". *Pelita Bahasa*. Februari 1994: 20 – 21.
- A. M. Thani. *Integrasi Sosial Dalam Kesusteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1990.
- A. Rahim Abdullah. "Penerbit Buku Kurang Modal?". *Dewan Masyarakat*. Oktober 1986: 38 – 39.
- A. Rahman Yusof. "Seks, Sastera, Pornografi. *Dewan Sastera*. Februari 1982: 12 – 16.
- A. Rahman Yusof. "Penerbitan Elektronik: Kesannya Kepada Media Lain". *Dewan Masyarakat*. Jun 1987: 21 – 23.
- A. Rashid Ngah. *Di Bawah Alunan Ombak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1961
- A. Rashid Wook. "Guru2 Melayu Dengan Politic". *Mujallah Guru*. Januari 1953: 3 – 4.
- A. Samad Ismail. "Remaja dan Negara". *Dewan Siswa*. Ogos 1995: 6.
- A. Samad Said. *Bendera Merah Di Atas Bukit*. Petaling Jaya: Penerbitan Pustaka Sari. 1968.
- A. Teeuw. "Kedudukan Bahasa Melayu Sa-Bagai Bahasa Kebangsaan Di-Tinjau Dari Sudut Ilmu Pengetahuan". *Dewan Masharakat*. September 1964: 44 – 51.

- A. Wahab Ali. *Tradisi Pembentukan Sastera Melayu Moden*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2004.
- Abd. Jalil Ali. "Yang Luah dan Yang Misteri dalam Penerbitan Kita". *Dewan Masyarakat*. Februari 2001a: 11 – 13.
- Abd. Jalil Ali. "Siapa Kata Industri Percetakan Akan Pupus?" *Dewan Masyarakat*. Januari 2001b: 66 – 67.
- Abdul Ahmad. *Terima Kasih Nudra Syafini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1985.
- Abdul Ahmad. "Perbicaraan Struktur Penulisan Cerpen Kanak-kanak dan Remaja." *Dewan Sastera*. Julai 1987: 23 – 27.
- Abdul Ahmad. "Minggu Remaja dan Hadiah Sastera Remaja: Kembar Yang Mencambahkan Harapan". *Dewan Siswa*. September 1988a: 27 – 28.
- Abdul Ahmad. "Remaja dan Sasteranya". *Dewan Sastera* (sisipan). Ogos 1991. 2 – 3.
- Abdul Ahmad. Sastera Remaja: Antara Ciri dan Fungsi. *Dewan Sastera*. Julai 1991: 10 – 13, & 50.
- Abdul Ahmad. "Konsep dan Falsafah Novel Remaja Di Malaysia". *Dewan Sastera*. Mei 1998: 12 – 16.
- Abdul Ahmad. "Kesusasteraan Remaja: Kerjasama Serantau". *Dewan Sastera*. Jun 2001: 28 – 31.
- Abdul Aziz Ahmad. "Penerbit Yang Kukuh Wajarlah Menerbitkan Buku Sastera. Wawancara A. Ghani Abdullah dengan Datuk Abdul Aziz Ahmad". *Dewan Sastera*. September 1982: 23 - 24.
- Abdul Ghani Othman. "Pilihan Gaya Hidup Membentuk Remaja Berkarisma. Wawancara Amiruddin Mohd. Akhir & Mawar Shafei dengan Menteri Belia dan Sukan Malaysia". *Dewan Siswa*. Julai 1994: 12 – 13.
- Abdul Rahman Haji Hussein. "Pelajaran Orang Melayu". *Dewan Masharakat*. November 1972: 16 – 17, & 35.
- Abdul Razak. "Revolusi Mental". *Dewan Masharakat*. April 1963: 13 – 15, & 19.
- Abdul Razak Abdullah. "Pengaroh Kebudayaan Barat Melemahkan Penghargaan Kita Terhadap Kebudayaan Sendiri. *Dewan Masharakat*". November 1965: 32 – 37.
- Abdul Razak Mohd. Kassim. "Quo Vadis 'Seni Untuk Masyarakat?'". *Dewan Sastera*. Ogos 2000: 13 – 15.

- Abdul Wahab Muhammad. "Majlis Penyampaian Hadiah Pemenang2 Peraduan Mengarang Cherita Bachaan Kanak2 Anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka". *Dewan Masharakat*. Oktober 1968: 20 – 22.
- Abdullah Hj. Musa. "Di Sekitar Perkembangan Bahasa Melayu di Tanah Ayer Kita". *Mujallah Guru*. Februari 1958: 55 – 59.
- Abdullah Hussain. "Pengajaran Agama Meminta Perubahan Segera". *Dewan Masyarakat*. September 1978: 41 – 42.
- Abdullah Hussain. "Khalayak Sastera Tahun 1960-an". *Dewan Sastera*. September 1988: 41 – 42.
- Abdullah Muhammad. "Penerbitan Buku dan Kesusasteraan". *Mujallah Guru*. Julai 1958: 157 – 158.
- Abdullah Sanusi bin Ahmad. *Peranan Pejabat Karang Mengarang Dalam Bidang2 Pelajaran Sekolah2 Melayu dan Kesusasteraan Di-Kalangan Orang Ramai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1966.
- Abdullah Sanusi Ahmad. "Perubahan Sikap Menghadapi Zaman Pembangunan". *Dewan Masharakat*. Mac 1968: 7 & 60.
- Abdullah Sanusi Ahmad. "Pejabat Karang Mengarang di MPSI". *Dewan Sastera*. Bil. 4. April 1984: 46.
- Agoes Salim. "Penyusunan Semula Masyarakat Diasaskan Kepada Kepentingan Bersama Semua Kaum". *Dewan Masharakat*. April 1972. 20 – 23.
- Ahadiat Akashah. *Budak Setan*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn. Bhd. 1991.
- Ahmad Haji Yusof. "Penerbitan Buku Sastera: Menggalakkan". *Dewan Sastera*. September 1982: 13 – 16.
- Ahmad J. Hussein. "Pesona Novel-novel Cinta". *Mingguan Malaysia*. 24 Oktober. 2010: 16.
- Ahmad Mahdzan Yub. "Harus Ada Kerjasama Antara Sasterawan, Wartawan Dengan Ahli2 Sains: Jangan Mabok Dengan Khayalan2 Sastera". *Dewan Masharakat*. Januari 1966: 46 – 47.
- Ahmad Zaki Abu Bakar. "Kesan Revolusi Maklumat Pada Pendidikan Negara". *Dewan Masyarakat*. Jun 1987: 11 – 13.
- Ahmad Zaki Abu Bakar. *Wira Persona Avatari*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors. 2000.
- Ali Ahmad. "Aspek2 Sosial Dalam Perkembangan Kesusastraan Melayu Baru". *Dewan Sastra*. Februari 1971: 19 – 23.

Alias Sani. "Murid Sekolah Melayu Dengan Buku Pelajarannya". *Mujallah Guru*. Julai 1940: 260 – 261.

Alsaker, Francoise D. & Kroger, Jane. 2006. "Self-concept, self-esteem, and identity" dalam *Handbook of Adolescent Development*. Disunting oleh Sandy Jackson & Luc Goosens. New York: Psychology Press. 2006.

Alsup, Janet. "Introduction: Identification, Actualization, or Education: Why Read YAL" dalam *Young Adult Literature and Adolescent Identity Across Cultures and Classrooms*. New York: Routledge. 2010.

Aminuddin Baki. "Persediaan Buku2 Untuk Sekolah Rendah dan Menengah (1)". *Dewan Bahasa*. Oktober 1957a: 78 – 84.

Aminuddin Baki. "Persediaan Buku2 Untuk Sekolah Rendah dan Menengah (2)". *Dewan Bahasa*. November 1957b.: 131 – 132.

Aminuddin Baki. "Persediaan Buku2 Untuk Sekolah Rendah dan Menengah (3)". *Dewan Bahasa*. Disember 1957c: 176 – 186.

Aminuddin Baki. "Persediaan Buku2 Untuk Sekolah Rendah dan Menengah (4)". *Dewan Bahasa*. Januari 1958: 14 – 17.

Amir Awang. "Kelemahan Membaca Di Kalangan Kanak-kanak". *Dewan Masyarakat*. Ogos 1972: 38 – 41.

Anis Suraya Suffian. "Sains dan Matematik Dalam BI: Berakhirkah Konfrontasi?". *Dewan Masyarakat*. Januari 2004. 12 – 14.

Ann Wang Seng. "Lari Dari Rumah Masalah Bersama". *Dewan Siswa*. Ogos 1993a: 6 – 7.

Ann Wang Seng. "Remaja Merokok: Fenomena Yang Meresahkan". *Dewan Siswa*. Oktober 1993b: 6 – 7.

Anuar Jaafar. "Hadiah Sastera Siswa: Arena Menghasilkan Karya Besar". *Dewan Siswa (Sisipan Bonus Siswa)*. Ogos 1993: 18 – 19.

Anwar Ridhwan. "Gagasan Pembentukan". *Dewan Sastera*. Februari 1997: 11 – 14.

Arba'ie Sujud. "Menjelajah Dimensi Sastera Kanak-kanak dan Remaja di Malaysia: Suatu Penelitian" teks ucapan utama yang dibentangkan dalam *Seminar Sehari Kesusteraan Kanak-kanak dan Remaja 2009* anjuran Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka pada 9 April 2009. 1 – 14.

Arfah. "Pengarang dan Guru. *Mujallah Guru*. April 1951: 101.

Aripin Said. "Abdullah Sanusi Ahmad: Mendokumentasikan Pejabat Karang Mengarang". April 2004: 83 - 84.

Aristotle. "Poetics" dalam *The Norton Anthology of Theory and Criticism*. Diterjemah oleh Richard Janko. New York : W. W. Norton & Company. 2001.

Asaruddin Hj. Ashari. "Peranan Komputer Di Sekolah". *Dewan Masyarakat*. Ogos 1986: 46 – 47.

Asiah Abu Samah. "Perkembangan Sastera Kebangsaan: Peranan Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi". *Dewan Sastera*. Jun 1972: 28 – 29.

Asmah Bee Mohd. Nor. "Seks, Sastera dan Para Remaja". *Dewan Sastera*. 1982: 3.

Asmah Haji Omar. "Rukunegara Dalam Pendidikan". *Dewan Masharakat*. Januari 1972: 2 – 5.

